

# Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 134 ● 24 - 30 SEPTEMBER 2021 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

[www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku

WK TV



Kejayaan transformasi  
gelandangan >>7



Pernah dipandang rendah, OKU  
pekkak cekal hadapi cabaran >>8



Penduduk PA Seri Terengganu  
tuntut pembangunan semula >>21



DATUK SERI DR SHAHIDAN KASSIM meluangkan masa bersama Ahli Parlimen Seputeh, Teresa Kok yang hadir ke pejabatnya di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada Selasa bagi membincangkan kemajuan bersama dalam mempertingkatkan lagi Wilayah Persekutuan.

## Shahidan ‘buka pintu’

DEMI kemaslahatan warga serta pembangunan Wilayah Persekutuan, Menterinya, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim menyertai kesemua Ahli Parlimen terlibat sama ada dari pihak kerajaan maupun pembangkang untuk bekerja bersama-sama dan

mengenepikan kepentingan peribadi mahupun jalur fikir yang berbeza.

Bagi mencapai maksud tersebut, beliau ‘membuka pintu’ dan memberikan ruang kepada semua Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan untuk mencari titik persamaan serta kaedah bagi

membantu rakyat mendepani masalah sejagat selaras konsep ‘Keluarga Malaysia’ seperti yang diperkenalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

“Matlamat kita bersama dan kerjasama dengan semua pihak termasuklah pemimpin politik di peringkat bahagian dan Ahli

Parlimen. Ia boleh menjurus kepada perubahan yang kita bawa untuk hari ini, demi kepentingan bersama,” katanya kepada Wilayahku selepas Program Turun Padang di Taman Tasik Permaisuri pada Selasa.

LAGI BERITA DI MUKA 3

Operasi berkala selamatkan  
gelandangan - KWP

MUKA 2

Isu lif akan diatasi segera demi  
keselesaan penduduk

MUKA 2

Gangguan trafik di Jalan Cheras  
ekoran kerja alih paip Air Selangor

MUKA 3

# Shahidan ‘buka pintu’ untuk semua MP Wilayah Persekutuan

**MENDEPANI** cabaran menguras warga kota sudah pasti menuntut kerjasama semua pihak sama ada kerajaan mahupun pembangkang demi menjayakan harapan rakyat yang terkesan dengan pandemik COVID-19 terutama di dalam fasa pemulihan ini.

Justeru, kesemuanya diseru untuk mengenepikan kepentingan peribadi mahupun jalur fikir yang tentunya berbeza demi kemaslahatan bersama.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** yang menjadi lokomotif menggerakkan perubahan di Wilayah Persekutuan pastinya giat berikhitan untuk mencari penawar demi keselesaan warganya termasuklah meredakan keresahan golongan rentan yang memerlukan sokongan daripada kerajaan untuk meneruskan kehidupan.

Bagi mencapai maksud tersebut, Shahidan ‘membuka pintu’ dan memberikan ruang kepada semua Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan untuk mencari titik persamaan dan mencari kaedah serta cara untuk membantu rakyat mendepani masalah sejagat bersama-sama dengannya selari dengan konsep ‘Keluarga Malaysia’ seperti yang diperkenalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Berkata mengenainya, konsep buka pintu yang perlu diamalkan



**SHAHIDAN** (duduk dua dari kanan) sempat mengadakan pertemuan bersama beberapa Ahli Parlimen di Kuala Lumpur bagi membincangkan isu dan permasalahan ibu negara, sebelum ke sidang Dewan Rakyat pada 15 September lalu.

akan membuka lembaran baharu untuk menggembungkan tenaga keseluruhan Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan di samping memainkan peranan membantu rakyat ketika dalam kesusahan.

Bagi Shahidan, semua pihak mestilah mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing untuk membangunkan kawasan serta menjaga kebijakan rakyat harus menjadi agenda bersama-sama dan seterusnya membawa perubahan

kepada Wilayah Persekutuan.

Bercakap mengenainya, Shahidan menyifatkan kesedian Ahli Parlimen Kuala Lumpur bersedia bertemu dengannya merupakan perkembangan yang bagus demi kemakmuran bersama.

“Perdana Menteri sendiri menunjukkan tauladan yang baik untuk bekerjsama dan memberi perhatian kepada rakyat. Malah beliau turut menyarankan kepada semua untuk mendeng-

ar masalah rakyat dan menyelesaikan yang dihadapi mereka.

“Oleh yang demikian, itulah matlamat kita bersama dan kerjasama dengan semua pihak termasuklah pemimpin politik di peringkat bahagian dan Ahli Parlimen, maka ia boleh menjurus kepada perubahan yang kita bawa untuk hari ini kerana ia adalah untuk kepentingan bersama,” katanya kepada *Wilayahku* selepas Program Turun Padang di Taman Tasik Permaisuri pada Selasa.

Hadir sama, Timbalan Menteri Luar, Datuk Kamaruddin Jaafar yang juga Ahli Parlimen Bandar Tun Razak serta Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah.

Jelas Shahidan, konsep yang diamalkan iaitu membuka pintu kepada semua pihak adalah untuk kebaikan rakyat dan ia juga selaras dengan konsep muafakat demi membantu rakyat seperti yang diinginkan semua pihak.

“Semua pihak boleh bertemu dan berbincang untuk kepentingan rakyat. Ahli Parlimen pembangkang pun tadi, boleh kata mereka berjumpa dengan saya setiap hari

## INFO

PARLIMEN	PARTI	AHLI
TITIWANGSA	BERSATU	DATUK SERI RINA MOHD HARUN
BANDAR TUN RAZAK	BERSATU	DATUK KAMARUDIN JAFFAR
CHERAS	DAP	TAN KOK WAI
SETIAWANGSA	PKR	NIK NAZMI NIK AHMAD
SEPUTEH	DAP	TERESA KOK
LEMBAH PANTAI	PKR	AHMAD FAHMI MOHAMED FADZIL
BUKIT BINTANG	DAP	FONG KUI LUN
WANGSA MAJU	PKR	DATIN DR TAN YEE KEW
KEPONG	DAP	LIM LIP ENG
SEGAMBUT	DAP	HANNAH YEOH
BATU	DAP	P PRABAKARAN
PUTRAJAYA	UMNO	DATUK SERI TENGGU ADNAN TENGGU MANSOR
LABUAN	WARISAN	DATUK ROZMAN ISLI

untuk berbincang mengenai kawasan masing-masing.

“Malah mereka juga melihat supaya perubahan yang kita bawa adalah untuk kepentingan bersama dan mengenepikan politik dan daulukan rakyat,” katanya.

Ahli Parlimen Arau itu turut dilihat memuat naik beberapa keping gambar yang memaparkan beliau bersama-sama dengan beberapa Ahli Parlimen pembangkang selepas mengadakan pertemuan dengan mereka bagi membincangkan isu dan permasalahan di Kuala Lumpur. **WK**

**COVID-19** dorong pertambahan kelompok terjejas di ibu negara

# Operasi berkala selamatkan gelandangan

**AZLAN ZAMBRY**

**K**EMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) akan menjalankan operasi menyelamatkan gelandangan secara berkala bagi membasmi aktiviti tersebut di ibu kota.

Timbalan Menterinya, **Datuk Seri Jalaluddin Alias** berkata, berikutnya masalah ekonomi yang berlaku akibat COVID-19, KWP dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan berkolaborasi dengan beberapa agensi lain bagi menyelamatkan golongan tersebut sekaligus membantu golongan tersebut menikmati hidup yang lebih baik.

“Pandemik COVID-19 telah meninggalkan kesan yang besar dalam ekonomi dan ini dijangka akan menyumbang kepada pertambahan golongan ini di ibu kota.

“Walaupun sektor ekonomi baru hendak pulih dan proses pembukaan premis niaga akan dimulakan secara berfasa, ia belum dapat membantu untuk mengurangkan jumlah golongan ini,” katanya kepada pemberita selepas Operasi Menyelamat Gelandangan di sekitar Kuala Lumpur 4.0.

Hadir sama, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah; Setiausaha Bahagian

Dasar dan Perancangan Strategik KWP, Noor Shah Mohamed.

Operasi tersebut turut disertai wakil daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Imigresen Kuala Lumpur, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kuala Lumpur dan Angkatan Pertahanan Awam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (APM WPKL).


Jalaluddin berkata, usaha untuk membendung masalah ini akan sentiasa dijalankan meskipun berhadapan kekangan tertentu yang melibatkan isu perundangan.

“Kita tidak boleh menghalang mereka berada di sekitar Kuala Lumpur dan melebihi waktu-waktu tertentu, dan mengikut akta tertentu maka mereka boleh disiasat.

“Melalui operasi, kita boleh kunjungi dan bertanya mengenai sebab sebenar mereka berada di kawasan awam yang melewati waktu-waktu tertentu,” katanya.

Jalaluddin berkata, pihaknya tidak dapat memberi jaminan bahawa 100 peratus gelandangan yang disenamatkan ini tidak akan kembali ke kehidupan lama mereka yang gemar menjadikan jalanan sebagai tempat tinggal.

“Saya sedang lihat kerana ada kes yang berulang merupakan sa-



**JALALUDDIN** melawat kawasan sekitar ibu negara yang menjadi lokasi gelandangan.

tu perkara biasa dan inilah perkara yang akan difikirkan bagaimana untuk kita urus perkara ini.

“Saya juga sudah berbincang dengan KWP dan Datuk Bandar untuk berkolaborasi dengan semua agensi ini bagi mengambil dan juga merangka pelan jangka panjang bagi golongan ini sekali gus memberikan kehidupan baharu kepada mereka (gelandangan),” katanya.

berikan khidmat dan juga bantuan kepada golongan tersebut.

“Tetapi masalah yang hadapi adalah tindakan menghantar makanan ke kawasan-kawasan tempat tinggal gelandangan di sekitar Kuala Lumpur ini telah mendatangkan kesan sampingan dan menjadikan Kuala Lumpur kotor.

“Malah ia turut menggalakkan mereka berada di tempat yang tidak dibenarkan dan yang paling utama, tindakan tersebut boleh mencetuskan wabak penyakit yang boleh menjangkiti orang ramai,” katanya.

Tambahnya, NGO yang terlibat perlu mengubah modus operandi mereka dengan menghantar bantuan makanan tersebut ke pusat-pusat yang disediakan oleh DBKL di Pusat Gelandangan Medan Tuanku dan Anjung Singgah di Jalan Pahang.

Dalam operasi yang bermula pukul 11 malam itu, kira-kira 55 gelandangan berjaya diselamatkan dan dihantar ke Pusat Khidmat Gelandangan Medan Tuanku bagi tujuan saringan COVID-19 sebelum dihantar ke Pusat Transformasi Gelandangan (PTG) Anjung Kelana, Taman Desa. Operasi kemudian berakhir menjelang pukul lima pagi. **WK**

Masalah utama di PPR dan PA diberi perhatian khusus

# Isu lif akan diatasi segera - Shahidan

AZLAN ZAMBRY

**M**ENTERI Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berikrar untuk memberikan perhatian serta merta terhadap masalah yang melibatkan lif rosak di seluruh kawasan projek perumahan rakyat (PPR) dan perumahan awam (PA).

Katanya, masalah tersebut akan diatasi dengan segera dan pembaikan akan dilakukan serta merta demi menjamin kemakmuran dan keselesaan penduduk di PPR dan PA.

"Macam contoh lif di sini rosak satu, kita juga akan pastikan lif dan lain-lain kemudahan untuk penduduk di kawasan ini di beri perhatian untuk kegunaan mereka," katanya dalam sidang media selepas melakukan tinjauan di Perumahan Awam Seri Terengganu di Bandar Baru Sentul pada Isnin.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Datuk Seri Rosida Jaafar; Pengarah Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Ismadi Sakirin dan Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan



SHAHIDAN meninjau keadaan lif yang sering diadukan serta menjadi masalah utama penduduk di PPR dan PA DBKL

(MPPWP) Parlimen Batu, Gulam Muszaffar Gulam Mustakim.

Jelas Shahidan, perhatian yang dimaksudkan bukanlah bersifat umum sebaliknya ia merupakan langkah untuk pihak KWP dan DBKL mengambil tindakan memperbaiki kemudahan tersebut.

"Ini bukan beri perhatian

umum sahaja, sebaliknya esok (21 November) mereka akan mulakan tindakan dan lakukan kerja-kerja menyelenggara lif. Jadi banyak lagi PPR yang memerlukan proses baik pulih lif dan itu kita akan beri perhatian serta merta," katanya.

Menurut Shahidan, pihaknya turut akan memberikan perhatian



diperbaiki.

"Antara yang perlu diperbaiki adalah termasuk railing di sepanjang jalan yang rosak dan ia cukup berbahaya kepada pengguna. Kita akan perbaiki kerana bukan sahaja laluan untuk berjalan kaki, ia juga boleh digunakan untuk tujuan ria-dah," katanya. WK

## RM15 juta laksana projek baik pulih, naik taraf infrastruktur awam

**KEMENTERIAN** Wilayah Persekutuan (KWP) telah memperuntukkan kira-kira RM15 juta bagi pelaksanaan projek-projek baik pulih dan naik taraf infrastruktur awam di bawah Inisiatif Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) 2.0 di Kuala Lumpur.

Menterinya, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berkata, keseluruhan projek baik pulih dan naik taraf adalah sebanyak 26 projek yang majoriti pelaksanaan di projek perumahan rakyat (PPR) dan perumahan awam (PA) di bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

"Kebanyakkan permohonan diterima daripada komuniti melalui Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan.

"Permohonan bagi projek-projek kecil ini adalah berdasarkan kepada keperluan kritikal yang memerlukan baik pulih serta merta bagi menge-lakkan risiko yang boleh menjadikan keselamatan awam.

"Projek-projek ini juga sudah mencapai 25 peratus kemajuan kerja yang telah bermula Julai 2021 dan akan berjaya diselesaikan pada November 2021," katanya dalam sidang akhbar selepas melawat ke Surau Quba di Pangaspuri Melur dan Perumahan Awam Seri Terengganu, Bandar Baru Sentul pada Selasa.

Hadir sama, Ketua Setiausaha KWP, Datuk Seri Rosida Jaafar dan Pengerusi MPPWP Parlimen Batu,



LIF merupakan kemudahan infrastruktur utama penduduk di PPR dan PA.

Gulam Muszaffar Gulam Mustakim.

Shahidan berkata, DBKL turut menawarkan kerja-kerja tersebut kepada kontraktor G1 terpilih yang berjaya memenuhi syarat-syarat bagi merangsangkan semula ekonomi semasa tempoh pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Ini termasuk projek-projek mengecat semula bangunan, membaiki atau mengganti kerosakan infrastruktur asas dan kemudahan awam.

"Kesemua projek berkenaan dijangka siap sepenuhnya pada awal November ini," katanya.

Sementara itu, Shahidan berkata, kerajaan akan sentiasa komited dalam menyediakan persekitaran kehidupan yang lebih kondusif ke arah mempertingkatkan kualiti hidup Keluarga Malaysia disamping merangsang kembali ekonomi di Wilayah Persekutuan dalam menjadikan matlamat 'My City My Home' dicapai. WK

## Gangguan trafik di Jalan Cheras ekoran kerja alih paip Air Selangor

**DEWAN** Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan melaksanakan kerja-kerja pengorekan kelodak paip kalbat dan kerja-kerja pemotongan dan pengalihan paip Air Selangor di hadapan Eko Cheras Mall dari arah Kajang ke Kuala Lumpur.

DBKL berkata, kerja-kerja tersebut akan dilaksanakan pada 19 September lalu hingga 9 Oktober ini selama 24 jam dari puluk 8 pagi hingga puluk 7 pagi keesokannya.

"Pengguna jalan raya di Jalan Cheras di hadapan Eko Cheras Mall dari arah Kajang ke Kuala Lumpur akan mengalami gangguan aliran trafik atau lengcongan jalan mulai tarikh tersebut.

"Dalam tempoh kerja-kerja dilaksanakan, pengguna laluan ini akan dilengcongkan dan boleh menggunakan laluan alternatif sementara dihadapan Eko Cheras Mall dari arah Kajang ke Kuala Lumpur," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Sehubungan itu, DBKL menasihatkan pengguna jalan raya supaya mematuhi semua isyarat di papan tanda di lokasi sebagai langkah keselamatan dan bagi mengelakkan kekeliruan. WK



# DBKL beri Insentif MY30 kepada kakitangan

AZLAN ZAMBRY

**S**EBAGAI hargai sumbangan serta memahami keperluan kakitangan yang turut terkesan dengan pandemik COVID-19, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menyampaikan Insentif MY30 dalam satu sesi secara hybrid dalam talian yang disempurnakan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim.

DBKL berkata, insentif tersebut sebagai galakan kepada warga kerja DBKL untuk menggunakan pengangkutan awam dan menyokong usaha ke arah karbon neutral di Kuala Lumpur.

Insentif MY30 merupakan kad perjalanan yang mewarkan perjalanan tanpa had bernilai RM30 untuk tempoh 30 hari bagi perkhidmatan pengangkutan awam kenderaan Prasarana Malaysia Berhad.

Ia turut merangkumi perkhidmatan Bas Rapid KL, Bas Perantara Sistem Aliran



SHAHIDAN (tengah) ketika sesi penyampaian Insentif MY30 yang dilakukan secara hybrid baru-baru ini.

Massa (MRT), Bus Rapid Transit (BRT), Sistem Aliran Ringan (LRT), Sistem Aliran Massa (MRT) dan Monorail.

Dalam majlis yang sama, Shahidan turut menyampaikan Pingat Perkhidmatan

Cemerlang 2018 kepada warga DBKL yang telah menunjukkan kecemerlangan luar biasa dalam tugas rasmi dan aktif menyumbang dalam aktiviti luar tugas rasmi.

Hadir sama dalam majlis tersebut, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah. WK

## DBKL: Penutupan, lengongan trafik di ibu kota bermula 15 September hingga 14 Disember

**LENCONGAN** trafik dan penutupan jalan telah dilaksanakan di persimpangan lampu isyarat Jalan Sultan Azlan Shah dan Jalan Tun Razak bermula 15 September lalu sehingga 14 Disember ini.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berkata, penutupan itu adalah untuk membolehkan kerja-kerja menaik taraf persimpangan bertingkat di Lebuhraya Sultan Iskandar (Lebuhraya Mahameru), Jalan Tun Razak, Jalan Tun Ismail, Jalan Ipoh dan jalan-jalan di sekitarnya.

"Trafik dari Bulatan Pahang menghala ke Jalan

Sultan Azlan Shah akan dilengcongkan ke arah Jambatan Jalan Tun Razak dan seterusnya ke Jalan Tun Ismail, Jalan Putra dan Jalan Raja Laut untuk ke Jalan Sultan Azlan Shah.

"Manakala bagi kenderaan ringan, trafik dari Bulatan Pahang akan dilengcongkan ke Jalan Batu-Bata untuk ke Jalan Sultan Azlan Shah," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Justeru itu, pengguna kenderaan dinasihatkan untuk mengikuti semua papan tanda jalan sementara sebagai panduan dan langkah keselamatan untuk mengelakkan kekeliruan. WK



### SIDANG REDAKSI

#### PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz  
azlanaziz@yayasanwp.org.my

#### PENGARANG KANAN

Helme Hanafi  
helme.hanafi@gmail.com

#### PENOLONG PENGARANG

Nazwin Izan Ahmad Nazri  
winwilayahku@gmail.com

#### WARTAWAN KANAN

Azlan Zambray  
azlanwilayahku@gmail.com  
Aini Rosidah Ahmad Mawawi  
ainiwilayahku@gmail.com

#### WARTAWAN

Khairul Idin  
khairulwilayahku@gmail.com  
Wong Siew Mun  
wongsiewmun@gmail.com  
Deel Anjer  
deelanjer@gmail.com  
Syahidi Bakar  
diwilayahku@gmail.com

#### Sabrina Sabre

nsabrinaakmal@gmail.com  
Hazirah Halim  
hazirahn52@gmail.com  
Diana Amir  
dianasyahada@gmail.com

#### GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid  
lemandecaprio@gmail.com  
Mohd Affandy Annuar  
affandywilayahku@gmail.com  
Fauzi Taib  
adhamfauzi05@gmail.com

#### Taufik Mohd Pauze

Kikkylwilayahku7@gmail.com

#### JURUFOTO & VIDEO

Mohd Nazirul Mohd Roselan  
nazirulwilayahku@gmail.com  
Mohd Aminullah Fariq Hasan  
aminwktv@gmail.com  
Azly Fariq Ramly  
azlyfariq@yahoo.org.my

#### PEMASARAN

Mohd Zuhairi Mazlan  
zuhairi@yayasanwp.org.my

#### V Kumar Veeran

veeran1010@gmail.com

#### KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir  
fatihah@yayasanwp.org.my  
Jumaitul Laily Zakiah Ismail  
jumaitul@yayasanwp.org.my  
Nurul Hazwani Haslan  
nhmm8686@gmail.com

#### PELATIH INDUSTRI

Muhammad Adib Zailani

## CERITA KEDAI KOPI

### Bagai kera dapat bunga

KELONGGARAN telah diberi untuk orang ramai beriadah dan bersantai setelah lama terkurung kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Tetapi pantai, tasik dan air terjun yang menjadi tumpuan ramai bertukar menjadi tempat membuang sampah sarap pulu.

Sedih sungguh dengan sikap segelintir rakyat negara ini yang tidak berdisiplin dan tidak pernah belajar untuk berdisiplin dengan membuang sampah merata-rata sesuka hati. Dengan kata mudah mereka ini pengotor.

Memetik laporan Utusan Malaysia, tempat tumpuan ramai beriadah dijadikan 'tong sampah'. Di pantai seluruh negara, segala jenis sampah sarap dilonggokkan, seperti sisu makanan, lampin pakai buang bayi dan puntung rokok.

Selama PKP dikuatkuasa, pantai, tasik dan air terjun terjaga. Persekutannya bersih sejak mata memandang. Tetapi apabila orang ramai kembali berkunjung, tempat yang bersih bertukar kotor menyakitkan mata memandang.

Kawan-kawan Kedai Kopi tidak faham yang disediakan untuk mereka bersantai dan berehat dicemari. Perbuatan ini sama seperti mengotori rumah sendiri.

Mereka tidak peduli membuang sampah merata-rata kerana ia sudah menjalani amalan sehari-hari mereka. Juga cara mudah melupuskan kotoran, walau pun tong sampah disediakan kerana beranggapan akan ada pekerja yang membersihkan.

Sikap tidak berdisiplin ini juga terserlah dengan perlakuan mereka yang pergi beriadah dan bersantai tetapi enggan mematuhi dan tidak mempedulikan prosedur operasi standard (SOP) seperti memakai pelitup muka dan penjarakan fizikal.

Mereka berkumpul beramai-ramai seolah-olah semuanya kebal COVID-19, seolah-olah pandemik itu sudah tiada sekeliling. Apabila sudah terlampau seronok berlonggok, SOP diketepikan tanpa memikirkan bahaya kepada diri sendiri dan orang lain.

Mungkinkah sikap tidak berdisiplin ini akan terus menjadi darah daging segelintir masyarakat Malaysia dan akan terus diwarisi sampai bila-bila? Adakah mereka ini langung tidak boleh berubah? Kawan-kawan Kedai Kopi tiada jawapan!

### Gangguan judi haram online

BEBERAPA orang kawan di Kedai Kopi bercerita bagaimana mereka terganggu kerana setiap hari menerima mesej pesanan ringkas atau SMS daripada nombor yang tidak diketahui, menawarkan pelbagai hadiah dan ganjaran dengan menyertai skim yang mereka tawarkan.

Apabila meneliti SMS yang mereka terima, jelas sebenarnya mereka diajak menyertai skim perjudian dalam talian atau online. Mereka ini bukan sahaja menghantar mesej setiap hari tetapi banyak kali dalam sehari.

Sekali pun nombor yang menghantar sudah disekat, mesej terus diterima dengan menggunakan nombor lain pula. Ini menunjukkan sindiket ini menggunakan banyak nombor. Dipercayai mesej seperti ini dihantar kepada ramai pengguna telefon bimbit.

Terfikir juga bagaimana pengendali judi haram ini mendapat nombor telefon sasaran mereka jika tidak kerana kerja orang dalam. Ini kerana yang tahu nombor pelanggan hanyalah syarikat Telco. Jika bocor, pasti orang dalam yang melakukan.

Sudah pun ada tangkap dan pendakwaan melibatkan pegawai dan pekerja Telco. Mereka didakwa atas tuduhan membekalkan nombor pelanggan kepada pihak tertentu tanpa kebenaran dengan dengan bayaran lumayan.

Kawan-kawan Kedai Kopi berharap mereka yang menerima mesej judi jangan terpengaruh, apatah lagi menyertai skim yang ditawarkan. Ia boleh menjerat diri dan akhirnya menyusahkan mereka. Tidak ada jalan mudah memperoleh wang, perlu rajin berusaha secara halal.

Syarikat-syarikat Telco pula mestil bersikap amanah. Nombor pelanggan adalah sulit dan mestil dipastikan terus sulit. Mereka di dalam Telco jangan sampai menjadi dalang membantu mempromosi judi haram. Yang melakukan wajar diambil tindakan keras.



# Treats On Us



**24 September – 17 Oktober 2021**

### Penebusan Segera

Belanja RM50 dan ke atas tidak melebihi 2 resit di kedai-kedai F&B terpilih untuk menerima baucar makanan dan minuman (F&B) Alamanda bernilai RM20.\*

\*Layari [www.alamanda.com.my](http://www.alamanda.com.my) untuk termas & syarat. Terhad pada satu (1) penebusan dan peluang cabutan bertuah untuk setiap pelanggan setiap hari. Sementara stok masih ada.

Untuk informasi lanjut, lawati Kaunter Concierge kami atau hubungi +603-8888 8882.

### Cabutan Bertuah

10 X Baucar makanan dan minuman (F&B) Alamanda bernilai RM200 untuk dimenangi.\*

### Istimewa untuk Kakitangan Kerajaan

Terima kemasukan tambahan dalam Cabutan Bertuah.\*



DATUK DR BUDIMAN  
MOHD ZOHDI

**D**ALAM mitologi Greek, Mentor adalah anak kepada Heracles dan Asopos.

Pada usia tuanya dia berkawan dengan Odysseus. Apabila Odysseus terpaksa berangkat untuk menyertai Perang Troyan, dia meminta Mentor menjaga anaknya Telemachus. Mentor juga diminta menjaga seluruh istana.

Selepas perang tamat, Odysseus tidak terus kembali ke Ithaca sebaliknya meneruskan pengembalaan.

Menyangka raja itu terkorban di medan perang, banyak lelaki berhasrat untuk mengawini permaisurinya, Penelope.

Ketika itulah Dewi Athena menyamar menjadi Mentor lalu mengajar Telemachus cara-cara melindungi emaknya daripada gangguan lelaki-lelaki tersebut.

Akhirnya Penelope terselamat daripada gangguan-gangguan itu sehingga Odysseus kembali.

Hubungan rapat antara Mentor yang sebenar dengan Telemachus, serta kesungguhan Mentor yang menyamar (Dewi Athena) mengajar Telemachus inilah menjadi sebab kenapa nama peribadi Mentor diguna pakai dalam bahasa Latin dan bahasa-bahasa lain sebagai istilah yang bermaksud seseorang yang menyampaikan kebijaksanaan dan berkongsi pengetahuan dengan rakannya yang kurang berpengalaman.

Mentor adalah watak yang tidak boleh diremehkan oleh sesiapa sahaja yang mahu berjaya baik dalam pelajaran, perniagaan, pekerjaan dan segala sesuatu yang lain.

Mentor haruslah seorang yang terbukti berjaya dalam bidangnya, memiliki kelebihan-kelebihan tertentu, dan yang lebih penting dia bersedia berkongsi ilmu.

Seorang mentor yang baik akan memberikan inspirasi, akan membangunkan emosi, membuka minda, mengembangkan potensi, menghubungkan anda dengan segala yang perlu.

Mereka menyediakan ruang yang selamat untuk belajar, bersedia menjawab dan menjelaskan tanpa jemu, tidak kira bagaimana bodoh sekalipun buni soalan daripada menteem yakni anak didiknya.

Mentor yang hebat tahu potensi anda dan tidak akan berputus harap terhadap keupayaan anda, sebagaimana yakinnya Jackie Chan kepada Jaden Smith dalam *The Karate Kid*.

# Mencari mentor



MENTOR haruslah seorang yang bukan sahaja hebat, tetapi juga 'dekat' dengan anda.

Dalam dunia pekerjaan mentor adalah orang yang menunjuk cara untuk anda menjadi lebih baik, membuka peluang baharu jika ada, menjadi tempat mengadu pada waktu yang perlu dan menyelamatkan anda daripada berasa keseorangan dan bersendirian.

Tanpa mentor, amat sering berlaku, seseorang itu akan mudah buntu dan hilang arah.

Dia mungkin bermula dengan baik atas usahanya sendiri, tetapi di pertengahan jalan, dia mula tidak tahu haluan mana perlu dituju. Lebih malang lagi jika dia kehilangan haluan ketika baru sahaja memulakan langkah.

Mentor boleh menyelamatkannya daripada berada dalam situasi begitu. Dengan pengetahuan dan pengalaman yang ada padanya dia boleh menunjukkan jalan dan membimbing menteneenya melalui jalan itu.

Dengan perkataan lain, dia adalah pemandu dan dia juga adalah mekanik yang akan menemani di sepanjang perjalanan.

Bagaimana hendak mendapatkan mentor? Perkara pertama hendaklah dengan mengenal pasti bidang yang ingin, atau telah anda ceburi.

Pastikan betul-betul bahawa itu memang bidang yang anda minati sepenuh hati. Kemudian nilai sendiri setakat mana kebolehan anda, di mana lebih dan di mana kurangnya.

Ingin, bahawa kekurangan itulah yang harus anda atasi dan kelebihan itu pula harus anda

**“ Ingin, bahawa kekurangan itulah yang harus anda atasi dan kelebihan itu pula harus anda gilap. Di situlah nanti terletaknya peranan orang yang andajadikan mentor.**

gilap. Di situlah nanti terletaknya peranan orang yang andajadikan mentor.

Siapa orang itu? Seorang mentor boleh muncul dari mana sahaja, sama ada lingkungan kerja, guru, pensyarah, ahli komuniti, malah rakan rapat yang mempunyai lebih banyak pengalaman dan telah sukses dalam sesuatu bidang.

Ia tidak semestinya daripada bidang yang sama dengan yang kita libati, walaupun itu yang sebaik-baiknya. Ada juga mentor dari bidang berbeza, tetapi mempunyai ilmu-ilmu kehidupan yang hebat untuk dikongsi bersama.

Pokoknya sebelum memilih mentor pastikan dulu anda menilai individu berkenaan serapi mungkin.

Apakah kelebihan-kelebihan yang dia ada? Kejayaan bagaimana yang telah dicapai olehnya? Perhatikan kesesuaianya dengan apa yang ingin anda pelajari.

Amati cara dia berfikir, bertindak, menguruskan masa, berinteraksi, dan sebagainya. Selepas menemui ciri-ciri yang anda perlukan, mulakanlah langkah untuk cuba berkenalan dengannya.

Anda boleh sahaja berterus-

terang memberitahu hajat anda. Tentang niat untuk menjadikan dia mentor.

Tetapi jika ada silu, anda boleh juga mulakan dengan berbaik-baik terlebih dahulu. Tunjukkan anda berminat dengan apa yang dia minati, banyak bertanya dan rajin-rajinlah ajak berbincang sehingga akhirnya terbina ikatan dan kemesraan di antara anda berdua. Selepas itu segala-galanya akan bermula dengan sendiri.

Dalam hal memilih mentor ini, anda mestilah realistik. Ingat satu perkara, bahawa pra syaratnya: mentor itu haruslah seorang yang bukan sahaja hebat, tetapi juga 'dekat' dengan anda.

Tidak salah mengidolakan Bernard Arnault, *billionaire* Perancis yang kini tersenarai sebagai orang terkaya di dunia dengan nilai kekayaan melebihi RM850 bilion, tetapi untuk menjadikan dia mentor anda adalah sesesuatu yang tidak begitu realistik pada ketika ini.

Carilah seorang lain yang boleh anda akses secara lebih mudah, sebaik-baiknya orang yang boleh berinteraksi dengan anda seminggu beberapa kali, kalaupun bukan setiap hari.

Setelah memilih mentor dan jika mahu berjaya seperti mentor maka kita perlulah mengikuti segala aturan dan langkah yang pernah dilalui oleh mentor tersebut.

Saya mengenali seorang pengusaha pengangkutan di utara Semenanjung. Dia belajar setakat tingkatan tiga sahaja. Sejak kecil, dia sangat berminat hendak menjadi pemandu lori.

Setiap hari selepas balik dari sekolah dia akan ke gudang kepunyaan sebuah syarikat pengangkutan berdekatan rumahnya untuk melihat pemandu-pemandu lori di situ bekerja.

Di luar sangkaannya dia diperhatikan oleh pemilik syarikat itu.

“Dia bertanya kenapa saya asyik ke situ, dan saya berterus-terang memberitahu sebabnya.

Dia tersenyum dan kemudian menawarkan saya bekerja sementara di situ sebagai pekerja am. Itu pun selepas waktu sekolah sahaja, gajinya cuma RM7 sehari.

Tidak lama selepas itu saya berhenti sekolah dan terus bekerja di situ sebagai kalindan lori.

“Beberapa tahun kemudian,

setelah mendapat lesen, saya diberi tugas sebagai pemandu. Sepanjang tempoh itu pemilik sangat rapat dengan saya.

Bermacam-macam tunjuk ajar dia berikan. Saya dilayan tak ubah seperti seorang adik.” Kata kawan saya itu, apabila dia memberitahu hasratnya untuk berhenti kerja, pemiliknya mengalu-alukannya.

Malah, dia membantu dengan memberikan sedikit wang sagu hati untuk dijadikan tambahan modal.

“Dia terus membimbing dan menunjuk ajar saya.

Hubungan kami berterusan, dari hubungan pekerja dengan majikan sehingga kepada hubungan sebagai rakan perniagaan,” cerita rakan itu.

Begitulah, ada ketikanya mentor perlu dicari, dan ada waktunya ia datang sendiri. Namun tidak kira bagaimana situasinya, peranan mentor tidak berubah; tetap penting dan tetap perlu.

**Datuk Dr Budiman Mohd Zohdi adalah Presiden SLR Institute. Sebuah organisasi yang memfokus kepada kajian penyelidikan sosial dalam negara.**



## SEBELUM BUANAIFTAR

Berketi lama  
Rahsia tersorok di laci azali  
Mengetip bilah usia buana bekerja  
Sepelosok jenggala raya  
Dijarah diperah darah nadinya.

Marcapada  
Lahan bernafas lega  
Mimpi setanggi ke ufuk  
Menjana atma spora buana  
Ritma siulan mergastua simfoni jiwa.

Jelaga toksin kosmo cempena  
Sesak rongga mencicip udara  
Seketika qiam berjeda  
Rancak komoditi terhenti  
Ratifikasi moratorium membias  
Respirasi nuansa kembali sergas.

Galau gendang kota politan  
Sarap berlanjar menyendat laulan  
Tempoh berpantang sekitan bulan  
Sebutir hama tiada di jalanan.

Indahnya buana berpuasa  
Panorama jati menukil bianglala  
Cuma gusar tibanya iftar  
Masihkah umat terus tersasar  
Lupa ibrah sepanjang sukar.

Bisakan puasa itu  
Menahan manusia berpesta  
Dan memahat mimpi kasturi  
Lalu pabilia terjaga  
Membayar fidyah kifarah dunia.

**Lara Pesona  
2021**

t.me/wilayahku



**SERTAI SALURAN TELEGRAM  
Wilayah Ku**  
**UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!**



# Kejayaan transformasi gelandangan

**J**IKA tidak dipecah ruyung di manakan dapat sagunya. Rajin dan usaha tangga kejayaan. Atas semangat inilah gelandangan di ibu negara, yang diberi gelaran 'Pahlawan Hijrah' atau Hijrah Warrior berjaya merentasi transformasi kehidupan. Daripada kelompok yang meminta-minta kini mereka mampu berdikari.

Kebun pertanian yang mereka usahakan di Hiliran Anjung Kelana, Kuala Lumpur telah mengeluarkan hasil dan dipasarkan. Mereka kini muncul usahawan tani dan peruncitan. Tidak perlu lagi meminta ihsan demi sesuap nasi.

Bagi Adi, gelaran 'Pahlawan Hijrah' yang diberi oleh mantan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annur Musa memang tepat. Matlamat agar gelandangan menjadi pahlawan berjaya kental serta komited berhijrah untuk kebaikan diri telah menjadi kenyataan.

Mereka boleh berbangga dengan kejayaan projek tanaman pertanian yang kini membawa hasil. Bakti disemai bukti dituai. Mereka membuktikan usaha kerajaan mengubah hidup mereka tidak silap. Peluang yang diberi tidak disia-siakan.

Untuk memasarkan hasil, *Hijrah Warrior Mart* (HWM) pula diwujudkan terletak di Teratak Muhibbah 1, Taman Desa, Kuala Lumpur. Ia menjadi lokasi bekas gelandangan ini memasarkan hasil pertanian agar lebih mudah diakses oleh orang ramai.

Pada peringkat awal, *Hijrah Warrior Mart* akan menjual hasil dari tanaman di Hiliran Anjung Kelana dan Kebun Kejiranan Bandar (KKB) di bawah program Local Agenda 21 (LA21). Ia beroperasi dari pukul 9 pagi hingga 9 malam.

Sebagai latar belakang, LA21 ialah inisiatif Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) bertujuan mengeratkan hubungan masyarakat setempat dan mewujudkan aktiviti sampingan kepada warga kota.

Program yang diselia oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ini juga bermatlamat menjana ekonomi komuniti bandar. Kebun Kejiranan Bandar adalah antara insiatif tersebut.

Adi difahamkan, untuk meluaskan pasaran dan menyasar lebih ramai pengguna, selain jualan melalui *Hijrah Warrior Mart*, usaha sedang dilakukan bagi membolehkan hasil pertanian gelandangan dan KKB dipasarkan secara dalam talian atau online.

Selain itu, *Hijrah Warrior Mart* juga bakal diwujudkan di semua kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) DBKL.

Memetik Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Shahidan Kassim, tanaman pertanian gelandangan juga akan dipelbagai. Ini termasuk tanaman pokok



KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan sangat prihatin dengan nasib gelandangan.

buah-buahan hybrid jangka pendek seperti pisang, nanas, buah naga dan jambu batu merah jambu atau pink guava. Sesuai sekali kerana pertanian adalah perniagaan.

Dengan adanya projek pertanian dan pembukaan *Hijrah Warrior Mart*, gelandangan beroleh kerja dan sumber pendapatan tetap. Empat orang bekerja mengikut syif dengan gaji minimum RM1,200 sebulan. Tempat penginapan percuma disediakan.

Menurut Shahidan, sesuai dengan matlamat kementerian sebagai peneraju kemakmuran komuniti bandar, *Hijrah Warrior Mart* akan dijadikan hub keusahawanan sosial. Ini untuk membolehkan golongan sasar terlibat secara langsung dalam sektor peruncitan.

Adi bangga dengan transformasi gelandangan ini. Daripada kelompok yang ke sana ke mari tanpa arah tujuan dan

meminta belas ihsan untuk hidup, kini mereka berdikari, ada kerja ada gaji. Arah hidup lebih pasti dan terjamin.

Kementerian Wilayah Persekutuan sangat prihatin dengan nasib gelandangan. Mereka yang bertebaran di pelbagai pelosok ibu negara dikumpul dan diberi tempat berteduh di pusat-pusat gelandangan.

Namun itu adalah penyelesaian dan bantuan jangka pendek. Mereka tidak harus tinggal selama-lamanya di pusat gelandangan dan perlu keluar untuk berdikari selepas tempoh tertentu.

Kerana itu mereka diberi latihan, terutama dalam bidang perniagaan. Malah mereka yang mempunyai masalah dadah, diantar ke pusat pemulihian. Setelah pulih, dibimbing dan dilatih berniaga. Kebun pertanian ialah hasil nyata setakat ini.

Adi optimis kegiatan

## MAKLUMAN AWAM

**PROJEK-PROJEK KECIL DI WP KUALA LUMPUR**

RM5 juta peruntukan PEKERJAAN untuk projek basik, pulih & naik taraf infrastruktur awam seperti mengelacu semula bangunan, membina infrastruktur dan kemanduran awam.

26 projek dilewaskan tahun ini

Lokasi projek di PPR/PA DBKL

Pelaksanaan projek berdasarkan keperluan kritis dan serta-merta untuk mengelakkan risiko keselamatan awam

Projek bermula Julai 2021 dan selesai pada November 2021

Mersenarikan kerja kepada kontraktor GI yang terpilih untuk merangsang ekonomi

www.kwp.gov.my | Facebook | Instagram | Twitter

**“Mereka boleh berbangga dengan kejayaan projek tanaman pertanian yang kini membawa hasil. Bakti disemai bukti dituai. Mereka membuktikan usaha kerajaan mengubah hidup mereka tidak silap. Peluang yang diberi tidak disia-siakan.”**

ekonomi untuk gelandangan ini akan ditambah dan dipelbagai merangkumi sektor selain pertanian. Dengan itu sumber pendapatan mereka akan bertambah.

Semoga kejayaan gelandangan ini akan menjadi pendorong dan pembakar semangat kepada gelandangan lain menurut jejak sama, walau pun melalui usaha sendiri. Lebih elok bangun berusaha daripada terus hidup dalam keadaan tidak menentu dan meminta-minta.

Tiada kejayaan dapat dicapai dengan mudah. Tiada jalan singkat untuk mengubah nasib. Namun yang pasti jika berusaha bersungguh-sungguh, kejayaan akan digapai akhirnya. Biarlah bersakit-sakit dahulu tetapi senang kemudian.

## KOS TUNAI HAJI DIJANGKA MENINGKAT

SETELAH dua tahun tidak menghantar jemaah tanah suci iaitu pada 2020 dan tahun ini, Malaysia dijangka kembali menghantar jemaah pada musim haji 2022. Adi percaya ramai bakal jemaah dari Wilayah Persekutuan menunggugiliran, seperti juga dari negeri-negeri lain.

Namun belum dipastikan kuota jemaah haji yang akan diberi kepada Malaysia. Ini berikutan norma baharu dan prosedur operasi standard (SOP). Justeru Adi harap bakal jemaah bersedia menghadapi kemungkinan jumlahnya berkurangan tahun depan.

Satu lagi yang perlu sedia dihadapi ialah kenaikan kos menunaikan haji akibat SOP serta kenaikan kos operasi dan kos lain di Malaysia dan Arab Saudi. Penyediaan kemudahan di tanah suci berdasarkan SOP juga antara sebab kenaikan kos.

Ini telah dibayangkan oleh Pengarah Eksekutif Haji, Tabung Haji (TH), Datuk Seri Syed Saleh Syed Abdul Rahman. Menurutnya, peningkatan kos itu sebahagian besarnya berkait rapat dengan SOP seperti penjarakan fizikal, kapasiti bilik hotel dan bas serta jumlah jemaah dalam Masjidil Haram.

Kos haji pada 2019 ialah RM9,980 seorang untuk 40 hingga 45 hari. Ini merupakan ongkos

bersubsidi dengan kerajaan menanggung subsidi RM 12,920. Tanpa subsidi bererti kos haji bagi setiap jemaah ialah RM22,900.

Kos dan subsidi haji 2022 belum diketahui. Namun Adi percaya kerajaan akan tetap memberi subsidi kepada yang pertama kali ke tanah suci, apakah lagi ketika orang ramai masih berhadapan dengan pandemik COVID-19.

Tempias pandemik yang menyebabkan ramai hilang kerja dan sumber pendapatan juga mungkin menyebabkan ada bakal jemaah yang terpaksa menaggalkan hasrat ke tanah suci. Adi percaya kerajaan akan memberi perhatian terhadap kumpulan ini dan menimbang memberi bantuan sewajarnya.

Adi juga ingin ingatkan bakal jemaah agar meneliti dan benar-benar memahami peraturan yang ditetapkan selain mematuhi SOP. Misalnya pastikan bakal jemaah telah menerima dua dos suntikan lengkap vaksin COVID-19.

Selain mematuhi SOP kerajaan Malaysia, amat penting memahami dan mematuhi SOP kerajaan Arab Saudi demi memastikan kelancaran ibadah haji serta mengelakkan perkara-perkara tidak diingini menimpah jemaah Malaysia.

Tabung Haji akan menekankan perkara ini semua dalam 14 siri kursus yang diadakan secara dalam talian nanti. Menurut Syed Saleh, satu siri khusus menekankan SOP baharu di Arab Saudi serta hukum ibadat haji dalam suasana COVID-19 akan diadakan. Semoga ini bakal memudahkan dan melancarkan urusan jemaah di tanah suci.

- Adi Tuah

*Adi Tuah*

## SAJAK

### DI WILAYAH HATI

Sebahagian tekad sudah terlunas tidak lagi menjadi duri di hati sebagiannya pula masih tetap menjadi perangsang diri tetapi sengaja disisakan sebagai catatan baca bawah pohon kenangan biar juga ia menjadi keraian bagi sebuah kemerdekaan

Kaubertanya apa sebenarnya yang aku maksudkan selain pelajaran berguna dari titipan perjuangan kisah silam antara sahsiah nenek moyang

Maka kaubacalah sejarah ranah dan wilayah membangun peradaban sambil kita tak melupakan sejarah tentang ketamadunan bangsa

**Ross Nina Ahmad**  
Kota Kinabalu

YWP buka permohonan biasiswa Ijazah Pertama

# Sasar 200 bakal mahasiswa IPTA



AINI MAWAWI

**Y**AYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) mempelawa anak-anak Wilayah Persekutuan yang berkelayakan untuk memohon Skim Biasiswa Pengajian Tinggi YWP bagi melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Pertama di Institusi-Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) secara sepenuh masa bagi kemasukan semester pertama sesi 2021/2022.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Datuk Zaizalnizam Zainun**, skim yang telah dilaksanakan sejak 2015 itu bertujuan meringankan beban yang ditanggung oleh pelajar dan ibu bapa tambahan lagi di musim pandemik COVID-19.

"Kita memahami kesukaran ekonomi saat ini yang mana ramai terkesan dari segi pengurangan pendapatan atau kehilangan perkerjaan.



ZAIZALNIZAM (kanan) menyerahkan cek sumbangan biasiswa kepada bakal mahasiswa. - Gambar hiasan

Jadi, dengan bantuan biasiswa maka ia dapat mengurangkan beban ibu bapa.

"YWP terpanggil membantu anak-anak wilayah ini supaya hasrat mereka untuk meneruskan pengajian di peringkat lebih tinggi akan

tercapai dan mampu merubah taraf hidup keluarga pada masa hadapan," ujar beliau.

Tambah beliau lagi, YWP menyasarkan seramai 200 orang pelajar baru yang telah mendapat tawaran belajar peringkat Ijazah Pertama di

## SYARAT-SYARAT AM

-Pemohon warganegara Malaysia, lahir dan menetap di Wilayah Persekutuan (KL / Putrajaya / Labuan) serta pemohon/ibu/bapa merupakan pengundi di Wilayah Persekutuan.

-Tidak mendapat tajaan atau bantuan kewangan daripada badan penaja lain Tarawan adalah tertakluk kepada: Penerima tawaran pengajian daripada IPT Awam Kemasukan ke semester 1, tahun 1.

semester satu IPTA seluruh Malaysia secara sepenuh masa sahaja.

"Adalah menjadi harapan YWP agar lebih ramai anak-anak Wilayah Persekutuan mengambil peluang ini yang hanya dikhaskan kepada mereka. Jadi, saya mengalu-alukan kepada bakal mahasiswa untuk memohon," ujar beliau.

Mengulas lanjut, Zaizalnizam berkata, syarat utama permohonan Biasiswa Pengajian Tinggi YWP adalah pendapatan perkaitan keluarga tidak melebihi RM1,000 sebulan dan beberapa syarat yang ditetapkan.

## Info ADUAN

### PERTIWI

WhatsApp  
: 013-680 6666  
: 013-688 7777

### DBKL

Tel : 03-2617 9000



### Perbadanan Putrajaya

Tel : 03-8000 8000  
Aduan : 03-8887 3000



### Perbadanan Labuan

Tel : 087-408600  
Aduan : 087-408852



### Wilayahku

WhatsApp  
: 011-5958 7489

Borang boleh didapati di laman sesawang YWP atau hadir sendiri ke Wisma Pejabat YWP untuk memohon yang mana tarikh tutup permohonan adalah pada 6 Oktober 2021. **WK**

## Minggu Orang Pekak Sedunia

# Pernah dipandang rendah, OKU pekak cekal hadapi cabaran

**M**ASALAH komunikasi pastinya sinonim dengan orang kurang upaya (OKU), namun ia tidak mematahkan semangat mereka untuk bangkit dan berdiri seiring masyarakat

normal yang lain.

Dengan perkembangan teknologi juga, cabaran tersebut dapat diatasi dengan mudah sekali gus membuka ruang yang lebih besar untuk mereka maju pada masa ini.

Sempena Sambutan Hari Pekak Sedunia minggu ini, *Wilayahku* kongsikan kisah-kisah inspirasi daripada komuniti OKU pendengaran yang tabah mensharungi cabaran dalam mencari rezeki. **WK**

## Harungi pasang surut perniagaan

MENGAKUI tidak pernah mempunyai pengalaman dalam industri makanan dan minuman, pengusaha *The Bassment Cafe* yang terdiri daripada tiga beradik menyatakan mereka pernah dipandang rendah kerana mempunyai isu pendengaran.

Menceritakan perjalanan awal untuk membuka restoran, **Lim Jian Siang** berkata, dia dan kembarnya **Jian Fu** bersyukur kerana adik, **Yen Shen** yang tamat pengajian dalam bidang optometri sanggup membantu menguruskan dokumentasi membabitkan agensi-agensi kerajaan.

Malah prinsip 'enggan diketepikan lagi' yang dipegang membuatkan kembar berusia 31 tahun itu terus cekal membangun kemampuan diri.



"Lebih-lebih lagi pada waktu pandemik ini, kami bersyukur kerana masih dapat melangsungkan perniagaan menerusi perkhidmatan penghantaran makanan Grab," katanya kepada *Wilayahku*.

Berasal dari Kelantan, kedua-dua anak muda itu turut menasihati komuniti senasib supaya sentiasa percaya dan yakin pada kemampuan diri sendiri selain tidak mudah berputus asa dan yakin dengan kebolehan memberikan sumbangan kepada masyarakat sekitar.

Kelautan, kedua-dua anak muda itu turut menasihati komuniti senasib supaya sentiasa percaya dan yakin pada kemampuan diri sendiri selain tidak mudah berputus asa dan yakin dengan kebolehan memberikan sumbangan kepada masyarakat sekitar.

## Hilang satu deria bukan alasan untuk memencilkkan diri

**MEMPUNYAI** masalah pendengaran tidak menghalang Kow Shuk Yee untuk berjaya seperti rakan senasibnya yang lain.

Malah, pemuda berusia 39 tahun itu melahirkan rasa syukur kerana Grab membuka ruang kepada individu OKU seperti berdiri sama tinggi dengan masyarakat normal menerusi kerjaya sebagai rakan pemandu Grab.



"Walaupun berkelainan upaya, saya masih boleh memperoleh pendapatan tambahan kerana Grab bukan sahaja sentiasa memberi sokongan padu kepada komuniti OKU, tetapi selalu menyemaikan kesedaran supaya orang ramai menerima pemandu pekak sebagai pemandu biasa."

"Saya juga terpilih sebagai ahli Jawatankuasa Perwakilan Pemandu (DRC) untuk mewakili komuniti pemandu OKU untuk mengetengahkan isu atau kebimbangan berdasarkan maklum balas dari komuniti terlibat," katanya yang selesa menggunakan terdapatnya ciri *GrabChat* dalam aplikasi Grab bagi mengatasi masalah komunikasi bersama penumpang.

Dia yang lebih mesra dipanggil Joey memberitahu, sepanjang tempoh kira-kira enam tahun menyertai rakan pemandu Grab, dia pernah berselisih faham dengan penumpang kerana tidak dapat memberikan jawapan apabila dihubungi.

## Atasi halangan komunikasi dengan teknologi

**BERTUGAS** sebagai penghantar makanan semestinya memerlukan komunikasi antara dua pihak dan ia agak sukar dilakukan oleh mereka yang menghadapi masalah pendengaran mahupun percakapan seperti *E Yeoga Raj*, 63.

Menurutnya yang pernah berkhidmat sebagai pegawai peroleh, dia menyertai rakan penghantar Grab bagi mencari pendapatan tambahan untuk keluarga.

"Grab merupakan platform yang menawarkan kemudahan kepada OKU dalam mencari pendapatan. Oleh itu, saya membuat keputusan untuk menyertainya dan cuba sedaya upaya untuk membiasakan diri dengan aplikasi Grab," tambahnya sambil berkenaan, umur hanyalah angka dan masih tidak terlambat untuk menyesuaikan diri dengan teknologi baharu.

Berkongsi pengalaman yang dialami, ujarnya, dia banyak bergantung pada ciri *GrabChat* dan *Live Chat Support* dalam aplikasi Grab untuk berkomunikasi dengan pelanggan secara berkesan kerana kedua-dua ciri tersebut memudahkan komunikasi bersama pelanggan.

"Kadangkala, saya tersalah lokasi kerana pelanggan menyatakan alamat yang salah. Apabila hal ini berlaku, ada sebilangan pelanggan yang akan bersikap kasar tetapi saya akan cuba sedaya upaya untuk menerangkan keadaannya," jelasnya yang mendapat pendidikan dari Sekolah Pendidikan Khas Persekutuan (FSD) di Pulau Pinang.



REALITI KEHIDUPAN

# R<sup>ED</sup>O<sup>UTA</sup>KO<sup>TA</sup>

24- 30 SEPTEMBER 2021 . BIL 134

Wilayah Ku



## Kemasukan pelajar vaksin lengkap ke kampus secara berperingkat

**K**EMENTERIAN Pengajian Tinggi (KPT) mengambil keputusan membuka semula institusi pengajian tinggi (IPT) untuk kemasukan pelajar secara fizikal bagi Sesi Akademik 2021/2022 dalam semua fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) bermula Oktober tahun ini.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad berkata kemasukan para pelajar dilakukan secara berperingkat bermula pada 15 Oktober ini setelah dipersetujui oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

“Sepanjang tempoh pandemik, aspek keselamatan dalam pengoperasian IPT amat dititikberatkan, dengan berpandukan nasihat dan arahan MKN, juga Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

“Dalam hal ini, sebahagian besar daripada keseluruhan 1.2 juta orang pelajar di IPT di seluruh negara telah menjalani aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara dalam talian melebihi tiga (3) semester berturut-turut.

“Ini memberikan cabaran yang besar kepada warga IPT terutamanya dari sudut psikologi dan ketahanan mental dalam menjalani proses pendidikan dalam negara.

“Justeru, dalam usaha untuk memastikan kelestarian kualiti pendidikan tinggi negara di samping meletakkan keselamatan



PELAJAR yang pulang ke kampus perlu lengkap proses vaksinasi.

dan kebijakan pelajar sebagai keutamaan jua, sukcita saya mengumumkan bahawa KPT akan melaksanakan kemasukan pelajar secara fizikal ke kampus secara berperingkat seperti mana yang diluluskan oleh MKN.

“Proses ini akan dijalankan secara berperingkat bermula 15 Oktober 2021. Kemasukan pelajar yang lengkap divaksin ke IPT ini melibatkan semua kategori pelajar dan semua Fasa PPN dimana keutamaan diberikan kepada pelajar berkeperluan,” katanya ketika mengumumkan pengoperasian IPT menerusi Facebook live baru-baru ini.

Noraini juga menjelaskan

keputusan ini dibuat setelah mengambil kira input sesi libat urus bersama-sama MKN dan KKM; pengurusan IPT yang merangkumi Naib-naib Canselor, Timbalan-timbalan Naib Canselor, dan wakil-wakil persatuan IPTS; serta Majlis Perwakilan Pelajar dan wakil Kesatuan/Persatuan Pelajar.

Kemasukan pelajar secara berperingkat ini juga akan menjadikan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat sebagai garis panduan ketika berada di kampus.

“Proses kemasukan pelajar ini akan menggunakan SOP Sektor Pendidikan Tinggi: Pengoperasian

IPT.

“Keberadaan warga IPT yang telah lengkap divaksin akan membentuk komuniti sosial yang selamat serta mewujudkan persekitaran Fasa 4 PPN dalam kampus.

“Jadinya, SOP yang ketat perlu diamalkan bagi menguruskan pergerakan keluar dan masuk.

“Saya ingin maklumkan di sini bahawa hanya pelajar, staf akademik dan staf bukan akademik yang telah mendapat suntikan dos vaksin lengkap dan melepassi tempoh keberkesanan selepas divaksin sahaja yang dibenarkan masuk ke kampus.

“Perkara ini adalah tertakluk

kepada kapasiti IPT, dengan mematuhi SOP yang ditetapkan. Ini merupakan satu langkah bagi membentuk persekitaran yang selamat dan *herd immunity* di kampus.

“Bagi pelajar yang tidak boleh divaksin atas faktor kesihatan, mereka diminta untuk menghubungi IPT masing-masing untuk penyelesaian,” tegasnya lagi.

Dalam pada itu, Noraini juga mengumumkan kemasukan pelajar antarabangsa juga adalah dibenarkan melalui tiga kategori berikut.

“Pertama, pelajar warganegara United Kingdom (UK) yang sebelum ini kemasukannya disekat.

“Kedua, pelajar antarabangsa yang mengikuti program-program Mobiliti dan Edutourism.

“Ketiga, tanggungan yang sah bagi pelajar antarabangsa yang berhasrat membawa keluarga bersama ke negara ini,” ujarnya lagi.

Bagi pelajar antarabangsa yang telah lengkap vaksin, mereka perlu mendaftar dengan *Education Malaysia Global Services* (EMGS) sebelum diberikan kebenaran masuk ke Malaysia oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

Ujian Swab RT-PCR COVID-19 perlu dijalankan tiga hari sebelum masuk ke Malaysia. Setibanya di Malaysia, pelajar akan menjalani saringan kesihatan dan kuarantin di lokasi yang ditetapkan.

**Kemasukan pelajar institusi pendidikan tinggi (IPT) secara fizikal bagi sesi akademik tahun 2021/2022**

- Kriteria pelajar yang diberi keutamaan kembali ke kampus secara fizikal
  - (i) pelajar berkeperluan yang telah lengkap vaksinasi
  - (ii) pelajar yang telah lengkap proses vaksinasi dan melepas tempoh keberkesanan.
- Pelajar berkeperluan yang masih belum lengkap vaksinasi dinasihatkan supaya segera melengkapkan proses vaksinasi melalui kemudahan *walk-in* yang disediakan PPV. Bagi pelajar yang tidak mengambil vaksin atas faktor kesihatan, pelajar perlu menghubungi pihak IPT untuk tindakan penyelarasan.
- Hanya staf (akademik dan bukan akademik) yang telah lengkap vaksinasi dan memenuhi tempoh keberkesanan selepas divaksinasi sahaja yang dibenarkan hadir ke kampus untuk bertugas.
- Hanya pemilik/petugas kafeteria pemilik/petugas kafeteria/kedai runcit/bank/farmasi di kampus yang lengkap proses vaksinasi sahaja dibenarkan masuk ke kampus.
- Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) akan dilaksanakan melalui dua kaedah iaitu:
  - (i) Pelajar di kampus menjalani PdP secara hibrid
  - (ii) Pelajar yang masih berada di lokality masing-masing meneruskan PdP secara dalam talian.
- IPT BOLEH memilih untuk terus laksanakan PdP sepenuhnya secara dalam talian berdasarkan kesesuaian program.
- Aktiviti makmal atau aktiviti penyelidikan/bengkel dibenarkan dengan syarat kapasiti penggunaan makmal-makmal/kapasiti ruangan adalah mengikut SOP yang ditetapkan.
- Pelajar diberi pilihan untuk meneruskan PdP secara dalam talian di rumah/lokality masing-masing bagi kursus/program yang dijalankan secara dalam talian.
- Pergerakan pelajar yang dibenarkan untuk kembali ke kampus mempunyai tiga kaedah iaitu:
  - (i) menggunakan kenderaan sendiri
  - (ii) ibu bapa/penjaga menghantar sendiri pelajar dengan syarat ibu bapa/penjaga telah lengkap proses vaksinasi
  - (iii) perkhidmatan penerbangan.
- Pelajar yang membawa kenderaan sendiri dibenarkan

berkongsi berdasarkan kapasiti kenderaan dengan memastikan pelajar dan penumpang telah lengkap proses vaksinasi.

- Pelajar hanya menggunakan surat kebenaran kembali ke kampus yang disediakan pihak IPT KECUALI pergerakan MASUK KE Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan yang perlu mendapatkan surat kebenaran rentas negeri dari pihak PDRM juga sebagai dokumen irungan.

- Segala kos yang terlibat dengan pergerakan pelajar kembali ke kampus adalah di bawah tanggungan pelajar sendiri.

- Pelajar yang memasuki Sarawak yang telah lengkap mendapat dos vaksin serta melepas tempoh matang vaksinasi dikecualikan daripada menjalani kuarantin, Sabah dan Labuan perlu menjalani ujian swab RT-PCR dalam tempoh tiga hari sebelum pergerakan dan tertakluk kepada arahan semasa kerajaan negeri.

- Segala kos menjalani ujian swab RT-PCR adalah di bawah tanggungan Kementerian Kesihatan (KKM). Pelajar perlu menjalani ujian swab di klinik kesihatan di bawah seliaan KKM sahaja.

- KPT menggalakkan pihak IPT untuk menyediakan kit ujian kendiri COVID-19 semasa proses kemasukan pelajar ke IPT.

- Pelajar yang memasuki Sarawak adalah diwajibkan menjalani 14 hari kuarantin di IPT masing-masing. Pelajar lengkap proses vaksinasi yang memasuki Sabah adalah diwajibkan menjalani pemantauan kendiri melalui aplikasi MySejahtera. Pelajar yang memasuki Wilayah Persekutuan Labuan adalah diwajibkan menjalani kuarantin kendiri selama 5 hari di IPT masing-masing dan menjalani ujian swab RTK-Ag pada hari ke-4 .

- Kos kuarantin bagi pelajar yang pulang ke Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan bagi menjalani kuarantin wajib di pusat kuarantin adalah ditanggung oleh kerajaan.

- Semua pelajar yang berdaftar dan berstatus aktif/pelajar baharu yang menerima tawaran melanjutkan pengajian di IPT yang masih belum menerima sebarang temuanji penerimaan vaksin melalui aplikasi MySejahtera layak untuk menerima vaksin secara *walk-in* di PPV terbuka. Pelajar baharu perlu membawa bersama surat tawaran dan kad pengenalan manakala pelajar IPT sedia ada perlu membawa bersama kad pelajar dan kad pengenalan masing-masing semasa hadir ke PPV terbuka bagi maksud penerimaan vaksin secara *walk-in*. LAIN-LAIN PERKARA

- Pelajar luar kampus yang telah lengkap proses vaksinasi perlu menjalani saringan kesihatan dan menunjukkan Sijil Digital

Vaksinasi semasa memasuki kampus.

- Pelajar wajib menggunakan aplikasi MySejahtera semasa pulang ke kampus untuk tujuan *contact tracing* pihak Kementerian Kesihatan Malaysia. Walau bagaimanapun, pelajar juga perlu mematuhi keperluan penggunaan aplikasi selain MySejahtera yang diwajibkan oleh IPT masing-masing.

#### PELAJAR ANTARABANGSA

Kemasukan pelajar antarabangsa yang telah lengkap vaksin ke Malaysia adalah dibenarkan bagi kategori berikut:

- (i) Semua pelajar antarabangsa sedia ada dan baharu dari negara yang disekat
- (ii) Pelajar antarabangsa warganegara United Kingdom (UK)
- (iii) Pelajar program Mobiliti dan *Edutourism*.

Semua tanggungan kepada pelajar antarabangsa yang sah dari negara yang disekat adalah dibenarkan masuk ke Malaysia.

Semua pelajar antarabangsa serta tanggungan perlu mengemukakan permohonan kebenaran masuk ke Malaysia untuk kelulusan Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia melalui Education Malaysia Global Services (EMGS).

Langkah-langkah yang perlu diambil pelajar antarabangsa dan tanggungan sebelum pergerakan kembali ke Malaysia

- (i) Pelajar antarabangsa dan tanggungan hendaklah telah lengkap vaksin COVID-19
- (ii) Kemukakan permohonan kebenaran kemasukan (MyTravelPass melalui sistem Education Malaysia Global Services (EMGS) di pautan: [www.educationmalaysia.gov.my](http://www.educationmalaysia.gov.my)
- (iii) Terima surat kelulusan kemasukan yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah Imigresen (KPI).

- (iv) Menjalani ujian pengesahan RT-PCR COVID-19 72 jam sebelum berlepas ke Malaysia dengan keputusan negatif.
- (v) Memuat turun aplikasi MySejahtera di telefon pintar dan lengkapkan semua maklumat yang diperlukan tiga (3) hari sebelum ketibaan.

- (vi) Membuat bayaran caj penuh kuarantin dan ujian pengesahan COVID-19 secara dalam talian (*online*) melalui sistem MySafeTravel/Aplikasi MyQr oleh MyEG di pautan [www.myeg.gov.my](http://www.myeg.gov.my) dan mengemukakan slip pembayaran di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA).

- (vii) Mempamerkan surat kebenaran kemasukan semasa mendaftar masuk.
- Maklumat-maklumat yang diperlukan sebelum mengemukakan permohonan

kemasukan?

Pelajar dan tanggungan adalah dikehendak untuk mengemukakan maklumat-maklumat seperti berikut:

- (i) Nama Penuh
- (ii) Warganegara
- (iii) Nombor Pasport
- (iv) Institusi Pendidikan Tinggi
- (v) Maklumat Pengajian
- (vi) Nombor Telefon
- (vii) Emel
- (viii) Lokasi Keberadaan Pelajar (negara semasa)
- (ix) Tarikh dan Maklumat Penerbangan
- (x) Borang persetujuan untuk menanggung kos rawatan dan lain-lain kos berkaitan sekiranya positif COVID-19;
- (xi) Sijil vaksinasi
- (xii) Lain-lain maklumat berkaitan yang diperlukan dari semasa ke semasa.

- Semua permohonan kemasukan ke Malaysia perlu mendapat pengesahan KPT melalui EMGS.

- Pelajar dan tanggungan wajib membuat ujian pengesahan RT-PCR COVID-19, 72 jam dengan keputusan negatif sebelum berlepas ke Malaysia dan laporan ujian tersebut perlu ditunjukkan kepada pegawai bertugas di PMA semasa ketibaan. Keputusan Ujian Saringan COVID-19 yang melebihi 72 jam sebelum tarikh berlepas tidak sah. Pelajar diwajibkan untuk membuat ujian pengesahan COVID-19 (RT-PCR) dalam masa 72 sebelum berlepas ke Malaysia.

- Semua pelajar dari luar negara dikehendaki menjalani kuarantin wajib di Stesen Kuarantin yang telah ditetapkan, iaitu selama 14 hari. Tempoh kuarantin 14 hari ini akan dilanjutkan selama 7 hari lagi (menjadikan jumlah kuarantin 21 hari) sekiranya terdapat keperluan berdasarkan hasil penilaian risiko yang telah dijalankan pada hari ke14. Kuarantin tambahan ini akan dilaksanakan di stesen kuarantin yang sama.

- Semua implikasi kos Ujian Saringan COVID-19 semasa urusan kemasukan ke Malaysia dan sehingga tamat tempoh kuarantin perlu ditanggung oleh pelajar. Stesen Kuarantin akan ditentukan pihak NADMA.

● Pelajar perlu memastikan perkara berikut:

- a. Pelajar menjalani ujian saringan seterusnya:
- (i) Pelajar yang menjalani tempoh kuarantin selama 14 hari akan mengambil ujian saringan RT-PCR COVID-19 pada hari ke-10 tempoh kuarantin
- (ii) Pelajar yang dilanjutkan tempoh kuarantin selama 7 hari lagi akan menjalani ujian saringan RT-PCR COVID-19 pada hari ke-18 sekiranya perlu.
- b. Pelajar perlu membuat penilaian kendiri setiap hari melalui *Home Assessment Tool* dalam aplikasi MySejahtera selama tempoh kuarantin dari tarikh ketibaan.
- IPT perlu memastikan perkara

berikut:

- a. IPT perlu mengenal pasti lokasi Stesen Kuarantin pelajar masing-masing melalui EMGS
- b. IPT perlu membuat perancangan yang teliti bagi memastikan urusan pengambilan pelajar dari Stesen Kuarantin ke IPT masing-masing berjalan dengan lancar dan teratur.

- Anggaran kos yang perlu dibayar oleh pelajar

#### CAJ BAGI UJIAN PENGESANAN COVID-19 DI PINTU MASUK ANTARABANGSA DAN FASILITI KKM

UJIAN PENGESAHAN COVID-19 RT-PCR	FI RM250.00
<b>KOS KUARANTIN</b>	
KOS PENGINAPAN/ PENGOPERASIAN	FI
Kos penginapan	RM2,100.00 (kuarantin 14 hari)
(RM150.00/sehari)	RM3,150 (kuarantin 21 hari)
Caj Tetap	RM2,600.00 (Pengoperasian Stesen Kuarantin)

- Pelajar boleh dipertimbangkan permohonan untuk menjalani kuarantin wajib di rumah atau tempat kediaman bergantung kepada kelulusan KKM. Penilaian risiko akan dibuat bagi setiap permohonan yang diterima. Penilaian risiko ini mengambil kira penilaian status vaksin, risiko kebolehjangkitan COVID-19 serta kesesuaian rumah atau tempat kediaman sebagai tempat kuarantin. Permohonan *Home Surveillance Order* (HSO) perlu dihantar beberapa hari sebelum tarikh pelepasan kepada alamat e-mel [hso@moh.gov.my](mailto:hso@moh.gov.my) untuk kelulusan KKM.

- Pelajar TIDAK DIBENARKAN untuk transit ke mana-mana destinasi dalam negara termasuk Labuan, Sabah dan Sarawak. Pelajar perlu menjalani kuarantin di PMA di mana pelajar tiba sebelum meneruskan perjalanan ke tempat yang dituju. Perjalanan seterusnya adalah tertakluk kepada arahan pihak Kerajaan Negeri yang dituju. Walaubagaimanapun, bagi pelajar yang dibenarkan untuk menjalani kuarantin wajib di rumah atau tempat kediaman bergantung kepada kelulusan KKM.

- Pelajar perlu memastikan perkara berikut:
  - a. Pelajar menjalani ujian saringan seterusnya:
  - (i) Pelajar yang menjalani tempoh kuarantin selama 14 hari akan mengambil ujian saringan RT-PCR COVID-19 pada hari ke-10 tempoh kuarantin
  - (ii) Pelajar yang dilanjutkan tempoh kuarantin selama 7 hari lagi akan menjalani ujian saringan RT-PCR COVID-19 pada hari ke-18 sekiranya perlu.

- Pelajar perlu membuat pengesahan vaksinasi daripada KKM mengikut prosedur yang ditetapkan untuk mendapatkan sijil digital vaksinasi. Sebarang maklumat atau pertanyaan lanjut, sila hubungi:
  - (i) Pegawai Penyelaras di IPT masing-masing
  - (ii) Bilik Gerakan KPT di talian 03-8870 6777 / 6949 / 6623 / 6628.

# Pembelajaran di kampus, sinar baru buat pelajar

DIANA AMIR

**PENGUMUMAN** Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mengenai kemasukan pelajar ke kampus bagaikan memberi sinar baru buat pelajar apabila sudah setahun sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dilakukan secara atas talian.

Perkara tersebut turut disambut baik oleh ibu bapa terutamanya kerana merasakan anak mereka bakal mempunyai semangat baru untuk menempuh semester yang baharu.

**Zuhaimi Samat**, 60, bersetuju dengan keputusan KPT yang memberi kebenaran pelajar lengkap vaksinasi untuk pulang ke kampus.

"Saya rasa gembira kerana persekitaran pembelajaran yang sesuai untuk anak saya apabila dia berada di kampus berbanding sesi pembelajaran atas talian di rumah."

"Anak saya menuntut di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Pagoh, Johor dan pemotongan



ZUHAIMI



NORSHAHIDA



NUR DIYANA

yuran seperti yang diumumkan KPT sangat membantu golongan yang kurang berkemampuan kerana persiapan sahaja menelan banyak kos," ujar pesara kerajaan itu.

**Norshahida Sab**, 43, pula berpendapat, kemasukan pelajar ke kampus perlu seiring dengan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat dalam memastikan keselamatan pelajar.

"Pada pendapat saya, kemasukan pelajar ke kampus ini satu tindakan yang bagus namun semua pihak perlu sama-sama

memastikan keselamatan pelajar.

"SOP perlu dititik beratkan terutamanya ketika proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan," katanya yang turut merasakan kepulangan pelajar ke kampus seperti memberi semangat baru untuk pelajar terus menuntut ilmu.

Pensyarah Multimedia Kreatif di Kolej Teknologi Antarabangsa Cybernetics (KTAC), **Nur Diyana Zakaria**, 36, berkata, persediaan untuk mengajar secara bersemuka telah mula dilakukan dan tidak

banyak perbezaan dengan pembelajaran dan pengajaran seperti sebelum ini.

"Setakat ini perancangannya adalah menyediakan bahan secara gabungan iaitu digital dan tradisional. Bahan-bahan mengajar seperti rakaman video sebelumnya akan diguna pakai juga di dalam kelas secara bersemuka nanti.

"Setakat ini tiada perbezaan dari segi PdP, masih sama seperti sebelum-sebelum ini, cuma kita akan cuba mengaplikasikan SOP yang telah ditetapkan oleh KPT, seperti menjaga jarak dan elakkan kesesakan di dalam kelas," jelasnya yang berharap PdP secara bersemuka dapat membantu pelajar untuk belajar lebih baik.

Manakala **Noor Hilmi Mohd Johan**, 32, pensyarah UiTM Rembau turut mengakui banyak persediaan perlu dilakukan memandangkan PdP secara bersemuka memerlukan aktiviti

interaktif yang berbentuk fizikal.

"Apabila pelajar sudah pulang ke kampus nanti banyak persediaan yang perlu dilakukan dan dilaksanakan. Antaranya adalah penyediaan dari segi alat bantuan pembentangan dan modul-modul latihan di dalam kelas.

"Oleh kerana kelas yang bakal melibatkan aktiviti 'bersemuka' di antara pelajar dan pensyarah sering kali akan membabitkan aktiviti interaktif yang berbentuk fizikal maka persedian dari segi sanitasi bahan harus dititikberatkan," jelas pensyarah Fakulti Komunikasi Pengajian Media (FKPM).

Tambahnya lagi sesi pembelajaran atas talian untuk sesi tutorial akan diteruskan dan melalui fasa ini membantu pelajar untuk semakin cekap dan pintar teknologi (*tech savvy*) dalam mengadaptasi suasana pembelajaran baharu.

## Reaksi pelajar pulang ke kampus

**"ALHAMDULILLAH** sangat teruja meskipun kemasukan pelajar adalah secara berperingkat dan dari segi persediaan saya sendiri akan mula menjaga kesihatan supaya tidak merisikokan diri serta orang lain."



MUHAMMAD AKMAL HAFIZ MAT PAUZI, 23  
Pelajar UiTM Shah Alam

"SEBAGAI pelajar amatlah gembira kerana dapat kembali menggunakan fasiliti di kampus serta lebih produktif dan di IPT saya sendiri, kami boleh pilih sama ada untuk hadir ke kelas secara fizikal atau atas talian."

**NUR FARRA ASYIQIN MOHD RASHIDI**, 23  
Pelajar Taylor's University



"SERONOK apabila diumumkan boleh pulang semula kerana sudah mula pulang ke kampus semester lalu untuk sesi makmal namun ditangguhkan dan saya cuba

mengulang kaji silibus agar lebih bersedia kerana kelas secara bersemuka perlu lebih banyak komunikasi dan persediaan."

**NUR FAQIHAH MOHD ZUKRI**, 21  
Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

"SAYA kurang yakin memandangkan kes COVID-19 masih tinggi tambahan pula saya takut peristiwa yang sama akan berulang di mana pelajar diarahkan berpatah balik dan terpaksa menanggung risiko kerugian namun saya tetap bersedia fizikal dan mental untuk PdP secara bersemuka untuk lebih fokus dalam suasana pembelajaran dalam norma baharu."

**NUR DAMIA ISHAMIZUNIKA**, 23  
Pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

"MESKIPUN risau dengan keadaan sekarang, saya teruja untuk kembali bersama kawan-kawan di kampus memandangkan pensyarah dan pelajar di kampus telah lengkap dos vaksinasi jadi itu memberi keyakinan kepada saya bahawa persekitaran di sana akan selamat."

**SITI HAJAR**  
MOHAMAT TAHIR, 23  
Pelajar Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

"SAYA berasa gementar dan pada masa sama teruja kerana akhirnya berpeluang untuk merasai pengalaman belajar di kampus setelah menghadapi kaedah Pengajaran dan Pembelajaran secara atas talian selama dua semester. Saya turut risau dengan

persekitaran yang bakal dihadapi disebabkan masih baharu di kampus dan masih dalam proses untuk berkenalan bersama rakan baharu."

**SYAMIMI FAIZAL**, 21  
Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia

"SAYA amat teruja selepas mendengar pengumuman berkaitan kemasukan semula pelajar ke IPT, akan tetapi persediaan dari segi mental dan fizikal serta pematuhan SOP amat perlu dititikberat memandangkan kita masih belum bebas sepenuhnya daripada penularan wabak COVID-19."

**AYNAH ARIPIN**, 21  
Pelajar Universiti Antarabangsa Islam Malaysia

"PADA pendapat saya, pihak IPT sewajarnya meneruskan pembelajaran secara dalam talian kerana dikuatir akan menambahkan risiko jangkitan apabila terdapat pelanggaran SOP dan pergerakan

pelajar yang tidak terkawal. Namun begitu, bagi pelajar yang mempunyai masalah internet dan kediaman yang kurang kondusif, mereka dibenarkan untuk pulang ke kampus bagi membantu menghadiri kelas secara atas talian."

**SOFIYYAH HANNAH**, 18  
Pelajar UiTM Dengkil



"SAYA berasa lega apabila KPT mengumumkan kemasukan semula pelajar ke kampus masing-masing kerana bagi saya pengajaran dan pembelajaran atas talian sukar difahami selain mempunyai masalah rangkaian internet yang kurang stabil semasa berada di rumah."

**BALQIS KADIRAN**, 18  
Pelajar Kolej Matrikulasi Johor



"SAYA ucapan terima kasih kepada pihak KPT atas kebenaran yang diberikan kepada semua mahasiswa. Semoga jalan ini akan memajukan lagi institusi pengajian tinggi di nusa kita yang tercinta ini."

**HAJAR NOR HALIM**, 21



# Gelandangan di Kuala Lumpur dibela



NAZIRUL ROSELAN

**G**ELONGAN gelandangan di Kuala Lumpur terus mendapat perhatian dan pembelaan dari Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Baru-baru ini, menterinya sendiri Datuk Seri Dr Shahidan Kassim turun sendiri di sekitar Kuala Lumpur untuk melihat sendiri keadaan golongan gelandangan ini di waktu malam.



Susulannya, Timbalan Menteri, Datuk Seri Jalaluddin Alias turun sendiri menyelamatkan golongan gelandangan ini diiringi Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah dalam Operasi Menyelamatkan Gelandangan.

Seramai hampir 40 gelandangan berjaya diselamatkan oleh DBKL di sekitar Kuala Lumpur sebelum diantar ke Pusat Transit Gelandangan Anjung Kelana, Taman Desa untuk dipulihkan dan diberi latihan pekerjaan.

WK



SHAHIDAN bersama Mahadi ketika turun melihat sendiri keadaan golongan gelandangan pada waktu malam di sekitar Kuala Lumpur.



# Amaris, PriVo teruskan misi bantu 100 artis veteran



DEEL ANJER

**JANGAN** mereka sudah tak ada, baru kita nak hargai," ujar pelakon Putra Amaris ketika ditemui dalam program amal menyantuni dan membantu 100 artis veteran.

Sebagai permulaan, baru-baru ini Amaris bersama pasukannya menyantuni artis-artis veteran seperti Normala Omar, Zack Taipan, Anita Jaafar, S Rohani, Harun Hashim dan Abass Bakar.

Mereka menerima sumbangan makanan, set pembasmi kuman dan wang tunai.

Menerusi program amal ini, Amaris atau nama sebenarnya **Amran Ismail**, 36, turut bekerjasama dengan Amaris Satay Goreng, Envirolyte Anolyte, Sukarelawan Wilayah Prihatin (PriVo), Seniman dan team Sama-Sama Kenyang.

"Alhamdulillah... Langkah

permulaan ini berjalan dengan lancar. Walaupun keadaan cuaca yang tak menentu, ia tak mematahkan semangat kami untuk menyampaikan sumbangan atau buah tangan kepada artis-artis veteran.

"Ini kerana apa yang lebih penting adalah niat saya untuk menyantuni mereka tercapai. Saya harap misi saya membantu 100 artis veteran bersama pasukan ini dapat dilaksanakan secepat mungkin," katanya yang sudah lama berazam mahu membantu golongan artis yang memerlukan.

Bagi Amaris, keadaan bisnesnya yang stabil membolehkan dirinya melaksanakan impian yang telah lama terpendam.

"Sudah lama saya mengimpikan mahu membantu artis-artis veteran, cuma dulu saya tak mampu dan hanya berharap kepada gaji sebagai pelakon. Iyah, dapat saja bayaran, saya bayar komitmen dan hutang.



PUTRA AMARIS

Wang selebihnya adalah untuk kegunaan sendiri dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Agak sukar ketika itu untuk saya melakukan infaq.

"Saya selalu berkata kepada diri sendiri, saya kena jadi kaya untuk bantu orang lain. Kalau diri sendiri hanya berada di takuk lama, sampai bila pun impian saya mahu membantu orang ramai agak sukar dicapai. Dengan izin Allah, sejak mulakan bisnes beberapa tahun lalu, rezeki saya semakin murah dan boleh kongsikan bersama artis veteran.

"Saya tak mahu rasa kecewa jika tidak sempat membantu mereka yang banyak berjasa kepada industri seni. Biarlah saya hargai mereka dengan cara tersendiri. Semoga usaha ini sedikit sebanyak menceriakan kehidupan mereka.

"Saya juga bersetuju kerana disokong oleh ramai pihak yang sudi bekerjasama seperti Envirolyte



AMARIS (dua kiri) bersama wakil PriVo dan Envirolyte Anolyte yang menyantuni artis-artis veteran.

Anolyte, PriVo dan Seniman yang memudahkan lagi misi ini," katanya yang bercita-cita mahu membina sebuah rumah atau tempat perlindungan untuk artis-artis veteran yang memerlukan.

Bagi Amaris, walaupun kos pembinaan rumah tersebut bukanlah sedikit dan memerlukan perancangan tetapi bukanlah halangan untuk mencapainya.

Hasratnya itu berikutnya, terdapat artis-artis veteran yang hidup dalam serba kekurangan di tempat tinggal dan situasi mereka membuatnya tersentuh hati.

"Saya tahu, mungkin ada yang menganggap impian ini agak sukar

diusahakan, namun ia tak mustahil. Saya tak boleh melakukannya seorang diri, tapi ia akan menjadi kenyataan jika banyak pihak bergabung untuk melaksanakannya," jelas Amaris yang mengusahakan bisnes Amaris My Tart dan terbaru Amaris Satay Goreng.

Amaris Satay Goreng telah mendapatkan sambutan hebat meskipun belum dilancarkan. Ini membuatkan Amaris lebih bersemangat untuk terus melakukan amal kebajikan.

Terdahulu, Amaris terlibat dalam banyak kerja amal melibatkan pelbagai pihak sejak tahun lalu.

WK

## Lumpuh tidak lemahkan semangat Zack Taipan

**PELAKON** watak antagonis yang mengalami lumpuh sebelah kanan, Zack Taipan mengaku tidak pernah lemah semangat dalam menjalani kehidupan sehari-hari.

Dalam masa sama, Zack Taipan atau nama sebenarnya **Zulkifli Isa**, 57, mengaku terharu dengan keprihatinan ramai pihak terhadap dirinya.

Menurut isterinya, **Siti Hajar Amaran**, 52, Zack sentiasa positif dengan keadaan dirinya walaupun tidak dapat berlakon seperti dahulu lagi.

"Alhamdulillah, walaupun sudah tidak berlakon sejak diserang angin ahmar lima tahun lalu, Zack sihat, tetap kuat semangat dan sentiasa positif. Saya dan anak-anak sentiasa memastikan Zack makan ubat, suplemen dan mencukupkan

keperluannya. Pasal makan pun tak ada masalah.

"Kami juga akan bawa Zack untuk sesi fisioterapi dan urutan badan tepat pada waktunya. Cuma lumpuh sebelah badan menyebabkan dia tak boleh berdiri. Apa-pun dia tetap positif," jelasnya yang terharu dengan kehadiran Amaris serta pasukannya baru-baru ini.

Siti Hajar turut mengucapkan terima kasih kepada Amaris, Envirolyte Anolyte dan PriVo kerana sudi mengambil berat tentang keadaan Zack.

Sesiapa yang ingin memberikan sumbangan kepada Zack Taipan boleh berbuat demikian melalui nombor akaun Maybank 114013152891 (Siti Hajar Amaran – isteri Zack Taipan).



ZACK Taipan sebelum diserang angin ahmar.



ZACK Taipan bersama isterinya, Siti Hajar Amaran.

## PriVo akan terus hargai artis veteran – Amar

**MENURUT** Pegawai Strategik Komunikasi Sukarelawan Wilayah Prihatin (PriVo), **Am Amar Izuddin Hamidun**, 31, program menyantuni 100 artis veteran ini seiring matlamat dan tujuan penubuhan persatuan ini.

"Tujuan penubuhan PriVo adalah untuk membantu masyarakat yang memerlukan daripada pelbagai lapisan masyarakat termasuk golongan



AM AMAR  
IZZUDIN

artis veteran. Penglibatan PriVo kali ini sebenarnya meluaskan ruang lingkup kami yang sebelum ini lebih fokus kepada masyarakat yang bukan golongan artis.

"Daripada pihak PriVo, kami akan membantu mereka dari sudut keperluan asas, kesihatan mental dan bank makanan. Semua itu, boleh diuruskan pihak kami dengan secepat mungkin," katanya yang turut

bersama-sama Amaris menyantuni artis veteran baru-baru ini.

Menurut Amar lagi, artis veteran antara golongan yang perlu diberi tumpuan kerana sumbangan kepada industri seni.

"Kata orang, tiada lama tiada baharu. Tanpa sumbangan artis veteran, tidak mungkin industri seni boleh berkembang.

"Inilah masa untuk kita sama-sama memberi tumpuan kepada mereka terutamanya yang sedang sakit dan terkesan akibat pandemik COVID-19," jelasnya lagi.

## Hanya ingat Allah dan 'boyfriend' - Normala Omar

**PELAKON** veteran, **Normala Omar**, 63, mengaku hidupnya seronok fokus ibadah dan sentiasa mengingati suaminya bintang legenda, Allahyarham Zulkifli Zain yang dipanggilnya boyfriend.

"Cakap pasal lakonan, tak adalah rasa rindu sebab nak berjalan pun keadaan tak mengizinkan. Sekarang ni fokus saya adalah ingat Allah dan sentiasa hadiahkan Al Fatihah serta doa kepada boyfriend saya di samping mengambil ubatan harian untuk kesihatan diri. Apa yang penting adalah sentiasa happy."

"Memang rindu pada anak dan cucu-cucu, tetapi sekarang masih dalam tempoh PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) jadi kami hanya video call saja," jelasnya yang gemar menonton drama bersiri Korea yang menjadi salah satu terapi diri.

"Bila duduk rumah ni, saya sering tonton drama Korea. Seronok tengok sehingga saya tunggu setiap episod. Ia sedikit sebanyak membuatkan saya gembira dan secara tak langsung menjadi terapi diri," ujarnya lagi yang terharu dengan kunjungan Amaris dan pasukannya.



NORMALA OMAR bersama maskot Spiderman daripada Caza4u Event

# Tiga cadangan aktiviti menarik buat penonton RTM



DIANA SYUHADA  
MOHD AMIR

**S**ETIAP seorang daripada kita pastinya sudah memiliki perancangan tersendiri dalam melakukan aktiviti kegemaran masing-masing. Terutama apabila sudah dibenarkan merentas daerah dan negeri seperti yang diharapkan kelak daripada pihak kerajaan.

Kali ini *Wilayahku* senaraikan perkongsian Radio Televisyen


Malaysia (RTM) mengenai tiga buah program terbaru yang sedang disiarkan di saluran TV Okey (Astro Saluran 146 dan MyTV Saluran 110), pastinya menyumbang idea untuk anda sekeluarga melakukan aktiviti kegemaran bersama-sama.

Bagi yang terlepas untuk menonton program menarik ini, anda boleh saksikan siarannya bila-bila masa dan dimana sahaja menerusi portal online, RTM Klik ([rtmklik.rtm.gov.my](http://rtmklik.rtm.gov.my)) dan rtm mobile. Jangan lupa untuk memuat turun aplikasinya di Google Play dan App Store. **WK**



## #1 Hero Joran

**HERO Joran** merupakan program buat kaki pancing yang tercari-cari lokasi terbaru untuk memancing. Bersama Amalina Arham merasai pengalaman memancing dengan tetamu undangan di pelbagai lokasi terpilih di Malaysia. Program yang bersiaran setiap Jumaat, pukul 10 malam ini turut berkongsi tip serta teknik memancing ikan yang betul menerusi 13 episod.



## #3 Dunia Femina

**SEBAGAI** melengkapkan perkongsian bermakna dengan penonton setia saluran RTM, saksikan program "Dunia Femina" bersiaran mulai 14 September lalu, setiap Selasa, pukul 8.30 malam mengisi slot Stail Okey. Program majalah ini pastinya memberi inspirasi serta maklumat tentang penampilan imej yang menarik, sihat dan kehidupan yang berkualiti bersama selebriti dari pelbagai bidang bersama hosnya Fiza Frizzy.



## #2 Travel Beat- South Africa

**AKTIVITI** kembara sama ada dalam atau luar negara pastinya ada terlintas dalam fikiran kita. Ikuti perjalanan pengembaraan pelakon terkenal, Sean Lee berkunjung ke

beberapa lokasi unik dan istimewa di Johannesburg, Afrika Selatan untuk menikmati pelbagai pemandangan menarik dan pengalaman unik ketika di sana. Semuanya boleh diikuti dalam program "Travel Beat – South Africa" mulai 12 September lalu, setiap Ahad, pukul 9.00 malam dalam slot Check-In Okey.



# Empat resipi kuih tradisional popular



SABRINA SABRE

**H**AI semua! Edisi kali ini akhbar Wilayahku ingin kongsikan menu juadah enak hidangan kuih tradisional buat semua penggemar kuih-muih.

Sama ada dimasak sendiri atau dibeli, kuih-muih ini pasti mencuri perhatian.

Semarakkan minum petang anda dengan aneka kuih yang enak-enak ini. Jom cuba resipi di bawah ini! **W.K**

## Kuih Koci

**BAHAN INTI**

1 biji kelapa parut  
½ cawan gula kabung  
1 cawan gula pasir  
½ cawan air

**CARA PENYEDIAAN INTI**

- Gaul semua bahan inti di dalam kuali dengan api sederhana.
- Kacau inti sehingga separa kering. Angkat dan ketepikan.

**BAHAN KOCI**

1 bungkus tepung pulut  
2 mangkuk santan

½ sudu teh garam

Daun pisang secukupnya

**CARA PENYEDIAAN KOCI**

- Gaul rata tepung pulut dan santan bersama garam.
- Jadikan doh lembut dan boleh dibentuk.
- Bentuk adunan dan isi inti di tengah-tengah. Tutupkan doh dan celup ke dalam santan masak. Ulang sehingga doh dan inti habis.
- Panaskan kukusan dan bungkus kuih koci dengan daun pisang. Kukus kuih koci selama 20-30 minit.
- Angkat dan hidangkan.

## Pulut Panggang

**BAHAN-BAHAN**

1 kg beras pulut  
1 liter santan cair  
Garam secukup rasa

**CARA PENYEDIAAN**

- Basuh beras pulut dan toskan. Kukus beras pulut setengah masak. Masukkan santan dan garam. Kacau rata.
- Biarkan masak dan ketepikan.

**BAHAN INTI**

Minyak masak  
2 biji bawang besar  
2 ulas bawang putih  
50 gram udang kering  
2 sudu makan cili boh  
½ biji kelapa parut  
1 sudu makan serbuk jintan manis  
1 sudu makan serbuk jintan putih  
1 batang serai  
1 cm lengkuas

**BAHAN-BAHAN**

1 cm kunyit  
1 cm halia  
Garam secukup rasa  
Daun pisang

**CARA PENYEDIAAN**

- Tumis bawang merah dan bawang putih.
- Masukkan udang kering. Kacau seketika. Masukkan cili boh dan kacau lagi.
- Masukkan bahan-bahan lain. Kacau lagi sehingga kering.
- Angkat dan biarkan seketika.
- Ambil daun pisang yang telah dilayur. Sapukan sedikit minyak masak.
- Letakkan sedikit beras pulut.
- Letakkan inti. Balut kemas.
- Bakar sehingga masak. Sedia untuk dimakan.



## Kuih Getas

**BAHAN-BAHAN**

½ biji kelapa parut  
2 cawan tepung pulut  
½ cawan tepung gandum  
1 cawan air  
1 sudu teh garam

**BAHAN SIRA**

½ cawan gula  
½ cawan air

**CARA PENYEDIAAN**

- Satukan kelapa parut, tepung pulut dan tepung gandum dalam bekas.
- Masukkan garam, gaul.
- Masukkan air sedikit demi sedikit.
- Uli sehingga jadi doh.
- Bentukkan doh.
- Goreng dengan api sederhana. Angkat dan ketepikan.
- Masak bahan sira dalam kuali hingga betul-betul pekat.
- Masukkan kuih yang siap digoreng. Kacau sehingga kering.
- Sedia untuk dihidang.



## Kuih Lopes

**BAHAN-BAHAN**

2 cawan beras pulut  
Beberapa titis pewarna hijau  
½ sudu kecil air kapur  
5 helai daun pandan  
2 cawan santan cair  
½ sudu kecil garam  
Kelapa parut


**CARA PENYEDIAAN**

- Beras pulut dicuci dan direndam bersama pewarna hijau serta air kapur.
- Kisar daun pandan dengan ½ cawan air. Ambil jusnya. Ketepikan.
- Toskan beras pulut. Letak atas loyang. Masukkan santan, garam dan air pandan dan gaul sebatik.
- Kukus sehingga santan kering. Kacau rata supaya beras pulut masak rata. Sejukkan.
- Ambil daun pisang. Layurkan sekejap. Bungkus beras pulut dalam daun pisang ikut bentuk yang disukai.
- Susun dalam periuk pengukus dan kukus sekali lagi selama 15 minit.
- Keluarkan dan gaul dengan kelapa parut.

**BAHAN AIR GULA MELAKA**

3 ketul gula Melaka  
5 sudu besar gula pasir  
3 cawan air  
2 helai daun pandan

**CARA PENYEDIAAN AIR GULA MELAKA**

- Satukan semua bahan dan masak sehingga larut.
- Tapis.





## Sistem Demerit: Awas notis pengosongan

**B**AHAGIAN Pengurusan Hartanah (BPH), salah satu agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri telah memulakan inisiatif baharu di dalam pemerkaaan perkhidmatan awam pada awal tahun ini dengan melaksanakan Sistem Demerit BPH.

Sistem Demerit merupakan satu kaedah penguatkuasaan peraturan menduduki kuarters Kerajaan berdasarkan kutipan mata terhadap semua penghuni dan ahli keluarga penghuni kuarters bagi memastikan kebijakan, keselamatan, keharmonian dan kebersihan kuarters terjaga serta terpelihara.

Pada 22 Ogos 2020 lalu, **Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Ali**, Ketua Setiausaha Negara, telah meluluskan cadangan bagi pelaksanaan Sistem Demerit BPH

ini dan bermula sekitar Januari hingga Februari 2021, hebatan mengenai penguatkuasaan telah dijalankan secara pintu ke pintu di kuarters seliaan BPH dan juga di media sosial.

Penguatkuasaan Sistem Demerit ini dimulakan dengan fasa percubaan selama dua bulan mulai 22 Februari sehingga 21 Mac, manakala fasa penuh pelaksanaan dijalankan mulai April 2021. Pelaksanaan operasi demerit ini meliputi semua kuarters Kerajaan di bawah seliaan BPH.

Sistem Demerit ini dapat dibahagikan kepada dua jenis kesalahan iaitu kesalahan kecil dan kesalahan mandatori.

Terdapat enam perkara yang dikategorikan sebagai kesalahan kecil melibatkan aspek kebersihan, fasiliti/kemudahan bersama, kenderaan, haiwan/

tumbuhan, komuniti dan kesalahan umum. Mata demerit bagi setiap kesalahan kecil adalah lima, 10 atau 20 mata. Surat Peringatan akan diberikan sekiranya penghuni kediaman kuarters tersebut telah mencapai 70 mata dan seterusnya Notis pengosongan akan menyusulnya telah mencecah 100 mata.

Kategori kesalahan mandatori pula menggariskan lima perkara iaitu fasiliti/kemudahan bersama, kenderaan, komuniti, integriti penghuni dan kesalahan mandatori umum seperti salah guna kuarters, gangguan seksual atau kesalahan lain yang ditentukan oleh BPH. Notis pengosongan akan diberikan dengan serta-merta apabila penghuni melakukan kesalahan dalam kategori ini.

Maklumat bagi pelaksanaan operasi demerit mulai bulan

Februari hingga Ogos 2021 adalah seperti di bawah:

<b>Bil. Operasi</b>	<b>21</b>
<b>Bil. Lokasi</b>	<b>32</b>
<b>Bil. Jenis Kesalahan</b>	<b>13</b>
<b>Jumlah Notis Demerit Dikeluarkan</b>	<b>918</b>

Penguatkuasaan sistem baharu ini ternyata memberi kesan yang baik pada peringkat awal dan tahap penerimaan para penghuni kuarters yang terdiri daripada penjawat awam juga dilihat baik.

Justeru, adalah diharapkan usaha ini mampu menjadi sumber penyelesaian utama kepada isu-isu pengurusan kuarters dan berupaya memandu BPH dalam memberi perkhidmatan awam yang terbaik.

Gambar Operasi Demerit





CHAN QUIN ER  
Peguam

**S**EJARAH tercipta apabila Kerajaan Persekutuan dan Pakatan Harapan (PH) menandatangani Memorandum Persefahaman Transformasi dan Kestabilan Politik (MPTKP), ia sekaligus membuktikan kesepakatan semua pihak untuk meletakkan kebijakan rakyat sebagai keutamaan selain turut menunjukkan kematangan politik yang penting bagi menjayakan Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Pujian harus diberikan kepada YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob kerana MPTKP ini mencerminkan kesungguhan beliau untuk mewujudkan Keluarga Malaysia, sejajar dengan titah Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah sebelum ini supaya Ahli-Ahli Dewan Rakyat dapat bersatu hati mewujudkan perpaduan dan penyatuan semua parti politik demi kebaikan rakyat dan bukan untuk agenda peribadi masing-masing.

Sedia maklum, MPTKP ini merangkumi Pemeriksaan Pelan COVID-19; Transformasi Pentadbiran; Pembaharuan Parlimen; Kebebasan Institusi Kehakiman; Perjanjian Malaysia MA63; dan Pembentukan Jawatankuasa Pemandu.

Kita semua perlu memahami bahawa MPTKP ini bukanlah satu bentuk jajaran baharu politik atau kerajaan perpaduan ("unity government"). Sebaliknya, pembangkang akan terus menjalankan fungsi serta memainkan peranan mereka untuk mengkritik dan memberi semak imbang kepada kerajaan sebagai badan eksekutif.

Jurang politik di Malaysia sudah wujud sejak sekian lama dan mungkin ada yang beranggapan bahawa permusuhan politik ini tidak mungkin lenyap hanya dengan sekilip mata. Justeru, MPTKP ini merupakan

# Kematangan ahli politik bantu negara berjaya

satu langkah yang tepat dan menunjukkan kesediaan Kerajaan Malaysia berubah, mencari titik persamaan dan melipat gandakan usaha untuk mengatasi permasalahan yang sedang dihadapi.

Kewujudan MPTKP yang belum pernah berlaku sebelum ini dalam beberapa dekad yang lalu, dan mungkin tidak akan berlaku lagi di masa hadapan, merupakan peluang terbaik bagi Malaysia. Sekarang kita adalah pemangkin yang dapat mengubah lanskap politik Malaysia demi kepentingan rakyat dan negara. Marilah kita bersama-sama menggunakan peluang ini untuk mencapai kemenangan bersama.

Saya pasti usaha bersama kerajaan dan PH ini akan disambut baik oleh pelbagai pihak dalam usaha membawa Malaysia keluar daripada kemelut pandemik COVID-19 dan memulihkan ekonomi negara. Buat masa ini nyawa, kesihatan dan kesejahteraan rakyat merupakan hal penting yang perlu diambil perhatian oleh tumpuk pimpinan negara.

Selain daripada tujuan utama MPTKP untuk mencapai kebaikan rakyat dan membebaskan negara daripada COVID-19, kebaikan daripada pelaksanaan kerjasama ini ialah apabila negara berpotensi untuk menarik lebih banyak pelaburan ke Malaysia.

Kita sedia maklum ekonomi negara turun naik sejak krisis politik melanda negara tahun lepas, namun ekonomi negara akan turut meningkat jika politik negara berada dalam keadaan stabil.

Tiada pelabur yang akan berminat untuk melabur di Malaysia jika krisis politik tidak stabil. Kestabilan politik ini



SEMOGA MPTKP ini memberi sinar baharu buat lanskap politik negara, memacu pertumbuhan ekonomi yang kukuh serta jaminan kesejahteraan Keluarga Malaysia.

juga secara tidak langsung akan membantu syarikat tempatan dan luar negara untuk meningkatkan daya saing antara satu sama lain.

Politik bukan mengenai kedudukan semata-mata, malah ia memberi impak kepada keseluruhan aspek, terutamanya rakyat. Jika isu politik tidak dapat dibendung, akhirnya rakyat juga yang akan menerima kesan; malah ekonomi negara akan turut merundum.

Semoga MPTKP ini memberi sinar baharu buat lanskap politik negara, memacu pertumbuhan ekonomi yang kukuh serta jaminan kesejahteraan Keluarga Malaysia.

## MANTAPKAN PERUNDANGAN, PELIHARA KESTABILAN POLITIK

Selain daripada itu, saya juga mengharapkan sistem perundangan dalam negara kita terus diperkasakan.

Termasuklah mengenai Rang Undang-undang (RUU) Pilihan

yang dipilih mereka apabila wakil rakyat berkenaan melompat ke parti lain.

RUU ini turut mengesyorkan supaya pengundi-pengundi diberi kuasa untuk memulakan proses pemecatan dengan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) terhadap wakil rakyat mereka yang melompat parti bagi menentukan semula kedudukan wakil rakyat tersebut, iaitu sama ada dipecat atau dikekalkan.

Isu wakil rakyat melompat parti telah menghantui kita sekian lama dan merupakan salah satu faktor di sebalik pergolakan politik negara. Fenomena ini membantunkan kemajuan sistem demokrasi negara serta berulang kali mengecewakan hasrat pengundi untuk melihat masa depan negara yang lebih baik.

Paling ketara sekali adalah selepas Pilihan Raya Umum ke-14 pada tahun 2018, di mana kedua-dua parti kerajaan dan pembangkang mengalami situasi yang sama, iaitu wakil rakyatnya melompat ke parti lain.

Walau apapun alasannya, tindakan seumpama ini boleh dianggap sebagai mengkhianati mandat pengundi. Lebih mengecewakan lagi, para pengundi tidak dapat berbuat apa-apa lantaran ketidaaun peruntukan dari segi perundangan.

Mendepani kekalutan ini, timbul pelbagai cadangan, termasuk penggubalan RUU Anti-Lompat Parti. Tetapi memandangkan penggubalan sebarang perundangan yang melarang lompat parti itu perlu melibatkan pindaan ke atas Perlembagaan Persekutuan, yang memang sedia melindungi hak dan kebebasan individu, termasuk wakil rakyat untuk berpersatuan.

## IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

Wilayah Ku

50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 300 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

## BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

012-208 6354 (V. KUMAR VEERAN)

Pengurus Pengiklanan

011-1069 2962 (ZUHAIRI)

Eksekutif Jualan dan Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:

Aras 9, Blok 1,  
Menara Seri Wilayah,  
62100 Putrajaya.

KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]	
FULL PAGE	26cm X 33cm  RM7,500
HALF PAGE	26cm X 17cm  RM5,500
QUARTER PAGE	12cm X 17cm  RM4,500
PANEL PAGE [INNER]	26cm X 6cm  RM4,500

KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]	
FRONT BANNER	1080px X 96px  RM2,500
MIDDLE BANNER	1080px X 280px  RM2,000
MEDIUM RECTANGULAR	350px X 280px  RM1,500
HALF PAGE	350px X 500px  RM1,000

# Kelab Golf Labuan raikan perwira negara



KORESPONDEN  
KHAIRUL IDIN

**P**ERSATUAN Kelab Golf Labuan (LGC) anjur kejohanan amal meraikan pewira tanah air Hassan Selati sebagai penghargaan ke atas pengorbanan pewira itu sempena sambutan Hari Malaysia, baru-baru ini.

Menurut presidennya, **Datuk Gapilin Nasaruddin**, kejohanan itu dibuat adalah sebagai sambutan Hari Malaysia yang dis-

ambut pada 16 September bagi memperingati peristiwa pembentukan Malaysia.

"Selain itu, tujuan kita mengadakan kejohanan ini sebagai memperingati jasa dan pengorbanan seorang pewira iaitu Hassan Selati yang menabur bakti mempertahankan dan memperjuangkan kemerdekaan dari penjajah," katanya.

Terdahulu, Hassan Selati, 88, merupakan pesara tentera yang merupakan anak kelahiran Hulu Selangor dan telah mula berkhidmat pada tahun 1952.

Beliau mula bertugas di pulau ini pada tahun 1963 sehingga 1979 dan menetap di sini sehingga kini. **WK**

Gapilin berkata, pihak-

nya turut menyalurkan sumbangan berbentuk wang tunai kepada Hassan Selati untuk membantu meringankan bebaninya.

"Kita juga menyalurkan sumbangan kepada beliau berbentuk wang tunai sejumlah RM2,000 untuk meringankan perbelanjaan," katanya.



GAPILIN (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan berbentuk wang ringgit kepada pewira negara Hassan Selati (empat dari kiri) di majlis penyampaian hadiah kepada pemenang kejohanan golf di Kelab Golf Labuan sempena Hari Malaysia, pada Khamis lalu.

## Lagu 'Malaysia Prihatin' juara pertandingan Hari Malaysia

**K**UMPULAN PH4SE 4 dinobatkan sebagai juara dalam pertandingan mencipta lagu sempena Hari Malaysia anjuran LABUANfm secara dalam talian, baru-baru ini.

Lagu berjudul 'Malaysiaku Prihatin' hasil ciptaan Isa Julkip itu memenangi hadiah hadiah wang tunai sejumlah RM5,000.

Tempat kedua dimenangi oleh kumpulan FUSH 21 dengan lagu 'Prihatin Demi Cinta Pada Negara' dan disusuli lagu 'Prihatin Selamanya' nyanyian Shafie, Yahya dan Wanima di tempat ketiga.

Menurut Pengarah Jabatan Penyiaran Labuan, **Aminah Samsudin Mohd**, pertandingan ini merupakan platform untuk memberi peluang dan ruang kepada peserta mempamerkan bakat penciptaan lagu dan lirik serta menghasilkan karya-karya berkualiti tinggi.

"Menyebarluaskan semangat patriotik, cintakan negara dan memupuk perpaduan kaum dan etnik menerusi kerjasama erat sepanjang proses penciptaan lagu dan menghasilkan perseimbahan," katanya kepada pemberita di sini, pada Ahad lalu.

Beliau berkata makna kemerdekaan harus dihayati dalam kalangan masyarakat agar terus berusaha untuk mengekalkannya dan bersyukur atas nikmat keamanan dan kemakmuran yang dikehendaki sehingga kini.

Selain itu, katanya program terbitan Mcallister



JUARA pertandingan cipta lagu Hari Malaysia yang dimiliki oleh kumpulan PH4SE 4.



KUMPULAN FLUSH 21 memenangi tempat kedua.

Michael itu merupakan juara kalinya dilaksanakan dengan norma baharu.

Aminah berkata, menerusi penggunaan media sosial sebagai medium platform

siaran diharapkan dapat merentasi sempadan mewujudkan khalayak di mana sahaja berada sama ada di Malaysia maupun di luar Negara. **WK**



FARY (kiri) menyampaikan replika cek hadiah kepada pemenang Busana Tradisional Iban Batang Ai dan Anugerah Khas Media Sosial, Susi Ramilyana Maiden (kanan).

## 201 peserta sertai pertandingan seni kreatif Bulan Kemerdekaan

**S**ERAMAI 201 peserta telah menyertai pertandingan Seni Kreatif secara dalam talian yang dianjurkan oleh Perbadanan Labuan sempena sambutan Bulan Kemerdekaan.

Pertandingan itu diadakan bermula pada 21 Ogos sehingga 16 September mempunyai tiga kategori pertandingan iaitu e-sport PUBG Mobile, Tarian Challenge dan Busana Tradisional yang dikelolai oleh Jabatan Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan PL.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Dr Fary Akmal Osman**, peraduan yang dibuat secara dalam talian dan tertutup itu menawarkan hadiah wang tunai sejumlah RM8,000.

Katanya, pertandingan itu adalah salah satu inisiatif PL dalam menyamarakan lagi sambutan Bulan Kemerdekaan di peringkat Labuan.

"Dengan pertandingan ini juga, kita dapat menampilkan bakat-bakat baru

anak tempatan dalam seni kreatif.

"Pertandingan ini juga turut menzhirkan semangat perpaduan yang kukuh oleh pelbagai kaum yang ada di pulau bebas cukai yang menjadi cerminan Keluarga Malaysia."

Beliau kata demikian dalam ucapannya di majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang di Bilik Harmoni, Menara Perbadanan Labuan, pada Khamis lalu.

Menurut Fary, beberapa program lain turut diadakan oleh pihaknya sebagai pengisian sambutan Bulan Kemerdekaan iaitu Kempen Kibarkan Jalur Gemilang, Bacaan Yassin dan Doa Selamat dan Merdeka Flag Run.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) PL Ibrahim Tambi dan Penolong Pengarah Jabatan Pelancongan dan Kebudayaan dan Kesenian PL Shahrullizam Sapar. **WK**



**SOALAN**  
**A** SSALAMUALAIKUM Datuk. Adakah suami wajib memberi nafkah selepas menceraikan isteri?

**JAWAPAN**

ALHAMDULILLAH, segala puji bagi Allah SWT, selawat serta salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga baginda, para sahabat serta mereka yang setia mengikuti perjuangan baginda sehingga ke hari kiamat.

Secara asasnya dalam bab talak, seorang isteri yang diceraikan berhak mendapatkan nafkah sepanjang tempoh idahnya daripada bekas suami.

Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

Maksudnya: "Tempatkanlah isteri-isteri (yang menjalani idahnya) itu di tempat kediaman kamu sesuai dengan kemampuan kamu; dan janganlah kamu adakan sesuatu yang menyakiti mereka (di tempat tinggal itu) dengan tujuan hendak menyusahkan kedudukan mereka (supaya mereka keluar meninggalkan tempat itu).

Dan jika mereka berkeadaan sedang mengandung, maka berikanlah kepada mereka nafkahnya sehingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya; kemudian jika mereka menyusukan anak untuk kamu, maka berikanlah kepada mereka upahnya; dan berundinglah di antara kamu (dalam hal menyusunya) dengan cara yang baik.

Dan (sebaliknya) jika kamu (dari kedua pihak) mengalami kesulitan, maka bolehlah perempuan lain menyusukannya."

**Surah al-Talaq (6)**

Dari segi hak nafkah terhadap isteri, ia bergantung kepada kedudukan talak itu sendiri sama idah tersebut kesan daripada talak raj'i, talak ba'in atau idah kematian suami.

# Hukum nafkah bagi isteri yang telah diceraikan



HAK nafkah terhadap isteri yang diceraikan adalah bergantung kepada kedudukan idah

Imam al-Nawawi menyebut di dalam karyanya bahawa isteri yang berada dalam idah talak raj'i berhak mendapat semua nafkah sebagaimana nafkah yang diterima sewaktu dalam perkahwinan.

**(Rujuk: Minhaj al-Tolbin, 264)**

Tambahan pula, Syeikh Zainuddin menukilkan di dalam kitabnya bahawa sekiranya isteri itu diceraikan dengan sebab nusyuz, maka dia tidak layak untuk mendapat nafkah dalam tempoh idah tersebut.

**(Rujuk: Fath al-Mu'in, hlm 535)[2]**

Demikian juga, Syeikh Zainuddin menyebut di dalam karyanya bahawa perempuan yang berada dalam idah talak ba'in dan mengandung, berhak

mendapat nafkah perbelanjaan termasuk tempat tinggal:

Maksudnya: "Nafkah juga wajib diberikan kepada wanita yang mengandung (yang telah diceraikan) dengan talak tiga."

**(Rujuk: Fath al-Mu'in, 536)**

Namun, wanita yang diceraikan dengan talak ba'in wajib diberikan tempat kediaman dan tidak wajib diberi nafkah dan segala bentuk perbelanjaan.

Perkara ini dijelaskan oleh Syeikh Muhammad bin Ismail di dalam kitabnya seperti berikut:

Wajib diberikan (disediakan) tempat kediaman bagi perempuan yang dicerai

ba'in.

Tidak wajib diberi nafkah dan segala bentuk perbelanjaan seperti pakaian, lauk dan lain-lain lagi kecuali mengandung mengikut pendapat yang sahih.

**(Rujuk: Matla' al-Badrain Pejabat Mufti Wilayah, 3/179)**

Dr Wahbah al-Zuhaili menjelaskan bahawa majoriti ulama fikah berpendapat bahawa suami tidak wajib memberi nafkah kepada isteri yang sedang dalam idah kematian.

**(Rujuk: al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh, 10 / 7405)[3]**

Selain itu, undang-undang keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan 1984 memperuntukkan bahawa isteri yang telah bercerai berhak untuk menerima nafkah dari suaminya yang dahulu sehingga tamat tempoh idah atau sekiranya isteri nusyuz. Hal ini dinyatakan di dalam seksyen 65 (1):

"Hak bagi seseorang isteri yang telah bercerai untuk menerima nafkah daripada suaminya yang dahulu dibawah sesuatu perintah Mahkamah hendaklah terhenti apabila tamat tempoh 'iddah atau apabila isteri itu menjadi nusyuz."

**Kesimpulannya**, Islam menekankan tanggungjawab suami dalam memberi nafkah terhadap isteri bukan sahaja sepanjang tempoh perkahwinan, bahkan pensyariatan ini berjalan dan dilaksanakan selepas terjadinya perceraian.

Justeru, hak nafkah terhadap isteri yang diceraikan adalah bergantung kepada kedudukan idah dalam sesuatu talak itu sendiri, iaitu sama ada idah talak raj'i, idah talak ba'in atau idah kematian suami.

Wallahu 'lam.

## MAIWP salur RM937,000 bagi program gerobok rezeki di masjid, surau

**SEBANYAK** RM937,000 dana zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) disalurkan bagi membantu Program Gerobok Rezeki MAIWP yang dilaksanakan di masjid dan surau di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Program Gerobok Rezeki itu berfungsi sebagai platform membantu golongan miskin bandar dengan membelikan barang keperluan harian kepada masyarakat di 89 masjid dan 123 surau di tiga wilayah berkenaan.

Sumbangan melalui program itu juga selari dengan

usaha MAIWP dalam menjalankan asraf yang memerlukan, selain menyalurkan bantuan kepada ahli kariah majid dan surau yang terkesan akibat COVID-19.

Antara yang diagihkan secara bulanan di masjid dan surau terlibat ialah barang makanan kering, kelengkapan mandian, pelitup muka dan barang sanitasi.

Program itu dirasmikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Senator Idris Ahmad di Masjid Jamek Al-Khadijah, Pantai Dalam Isnin.

Turut hadir ialah Pengarah

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) Datuk Mohd Ajib Ismail dan Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP Mohd Nizam Yahya.

Program seumpama itu turut dilaksanakan di 100 sekolah di Kuala Lumpur dengan perbelanjaan RM500,000.

Pelaksanaan program itu merupakan inisiatif merentasi kaum serta agama, menjadikan semua keluarga murid daripada golongan B40 layak menerima bantuan makanan itu, yang dilaksanakan dengan kerjasama pihak sekolah.



IDRIS (dua dari kiri) melakukan simbolik penyerahan cek kepada MOHD AJIB (dua dari kanan) di Masjid Jamek Al Khadijah, Pantai Dalam pada Isnin.

## KOMUNITI & MPP

Pembaca Wilayahku boleh kongsikan foto-foto dan aktiviti menarik untuk siaran ruangan ini. Hantarkan e-mel foto berserta keterangan mengenai aktiviti atau program tersebut kepada kami di [editorwilayahku@gmail.com](mailto:editorwilayahku@gmail.com) dan WhatsApp 011 - 5958 7489. Lampirkan juga nama pengirim dan nombor telefon untuk dihubungi.

# Penduduk PA Seri Terengganu tuntut pembangunan semula

**NAZWIN NAZRI**

**KEHADIRAN** Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim menerusi Program Turun Padang (TUPA) sangat ditunggu-tunggu penduduk Perumahan Awam (PA) Seri Terengganu, Kuala Lumpur.

Kata Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Parlimen Batu, **Gulam Muszaffar Gulam Mustakim**, penantian tersebut berikutan penduduk terlibat mahu projek pembangunan semula di lokasi berkenaan yang dijanjikan belasan tahun lalu, diteliti semula.

"Datuk Seri yang meninjau Pangaspuri Melur, Bandar Baru Sentul kemudiannya bergerak ke

PA Seri Terengganu dan melihat keadaan persekitaran termasuk kerja-kerja pendawaian serta naik taraf longkang.

"Kehadiran beliau mendapat perhatian penduduk, yang kemudiannya menuntut supaya isu pembangunan semula diteliti kembali.

"Penduduk yang tidak mendapat pampasan turut menghantar memorandum kepada Menteri Wilayah Persekutuan dan meminta 'janji' ditunaikan. Selain itu, mereka turut meminta penyelenggaraan beberapa infrastruktur termasuk lif," katanya ketika dihubungi *Wilayahku*.

Ujarnya, susulan daripada itu, Shahidan mengarahkan

kementeriannya menilai kembali projek pembangunan semula yang dirancang oleh pihak swasta.

Gulam Muszaffar berkata, daripada jumlah penduduk yang terlibat dalam projek, kira-kira 90 keluarga masih belum mendapatkan rumah ganti selain tidak diberikan pampasan sewajarnya.

Sebelum ini, dua daripada tiga blok yang dibina di PA Seri Terengganu itu dirobohkan bagi projek pembangunan semula sekitar belasan tahun lalu.

Bagaimanapun, ia tidak dapat dilaksanakan disebabkan pemaju diisytiharkan muflis manakala, penduduk terlibat tinggal 'berserakan' di beberapa lokasi ganti. **WK**



**GULAM MUSZAFFAR** bersama beberapa penduduk terlibat berbincang selepas melihat kawasan sekitar PA Seri Terengganu yang mempunyai masalah infrastruktur.

# PL terima peruntukan RM16 juta projek penempatan semula nelayan

**KHAIRUL IDIN**

**PERBADANAN** Labuan (PL) telah menerima peruntukan sejumlah RM16 juta dari Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) bagi membiayai Projek Penempatan Semula Nelayan (PSN) di Kampung Bebuloh di sini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Dr Fary Akmal Osman** berkata, projek itu merupakan projek perintis fasa pertama perumahan nelayan di pulau itu yang membabitkan kawasan berkeluasan 8.15 ekar.

"PL telah dilantik oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sebagai agensi pelaksana projek ini," katanya dalam satu kenyataan, pada Selasa lalu.

Menurut beliau, satu dokumen memorandum kesefahaman (MoU) kini sedang dalam proses

dimuktamadkan dan akan dimeterai oleh PL dan LKIM pada waktu terdekat.

Projek itu bakal menciptakan sejarah kerana ianya adalah merupakan satu-satunya projek PSN di pulau ini.

Fary berkata, sasaran utama projek PSN itu adalah untuk meningkatkan kualiti dan taraf hidup isi rumah masyarakat nelayan di Labuan.

"Dengan projek perintis pertama PSN ini, taraf kehidupan para nelayan berpendapatan rendah dapat menikmati kehidupan yang lebih baik dan selesa dengan prasaraan asas yang diberikan," katanya lagi.

Terdahulu, projek penempatan semula rumah nelayan yang bernilai RM16 juta itu bakal membabitkan pembinaan sekurang-kurangnya 100 buah rumah akan dilaksanakan pada tahun ini. **WK**



SSN SMK Mutiara merangkul johan dalam pertandingan lirik dan lagu kategori sekolah menengah.

# SPRM anjur pertandingan, pupuk nilai integriti dan anti rasuah kepada pelajar

**SURUHANJAYA** Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Labuan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Labuan menganjurkan pertandingan video pendek dan lirik lagu bertemakan anti rasuah dan integriti bagi menerapkan sifat integriti di kalangan pelajar.

Menurut Pengarah SPRM Labuan, **Mohd Yusizzudin Mohd Yusof**, pertandingan itu dianjurkan bertujuan mencungkil bakat dan kreativiti di kalangan pelajar di pulau ini.

"Ia turut menerapkan nilai-nilai integriti yang tinggi dan menanamkan sifat membenci serta menghindari rasuah di kalangan pelajar."

"Nilai-nilai ini perlu diterapkan secara awal lagi kepada pelajar agar mereka ini lebih memahami tentang kesan negatif tentang amalan rasuah," katanya kepada pemberita, baru-baru ini.

Sementara itu, Ketua Penolong Pengarah Unit

Pembangunan, Samsul Mandisin berkata, pihaknya sentiasa komited bekerjasama bagi menganjurkan pertandingan itu untuk menerapkan nilai-nilai integriti dan membudayakan nilai anti rasuah kepada pelajar.

"Ianya mampu memberikan semangat kepada pelajar dan sikap bertanggungjawab demi membangunkan negara yang berintegriti serta bebas daripada salah laku rasuah," katanya.

Terdahulu, bagi pertandingan lirik dan lagu kategori sekolah menengah dimenangi oleh Sekolah Sukan Negeri (SSN) SMK Mutiara dengan lagu *Jihad Perangi Rasuah* dan SMK Rancha-Rancha muncul johan bagi pertandingan video pendek kategori sekolah menengah.

Manakala bagi kategori video pendek sekolah rendah dimenangi oleh SK Pekan Satu dengan videonya yang bertajuk *Parasit*. **WK**



LOKASI tapak projek penempatan semula nelayan di Kampung Bebuloh.



**MOHD YUSIZZUDIN**



**SAMSUL**

# Putrajaya sasar dos pertama vaksin remaja sebelum 3 Oktober



AINI MAWAWI

**W**ILAYAH Persekutuan Putrajaya menyasarkan 3,539 murid berusia 16 dan 17 di wilayahnya menerima dos pertama vaksin sebelum sesi persekolahan secara bersemuka mengikut fasa dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN) bermula 3 Oktober ini.

Menurut Ketua Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Putrajaya, Dr Ahmad Ridzuan Mohd Arif, ia berupaya untuk memastikan risiko jangkitan di sekolah dapat dikurangkan sekali gus mencegah kluster dalam kalangan



DR AHMAD RIDZUAN

warga sekolah.

"Insya-Allah kita akan berjaya mencapai sasaran tersebut yang mana kita sendiri menyasarkan seramai 700 orang murid akan menerima dos pertama setiap hari (Isnin hingga Khamis) bermula 21 September," ujar beliau kepada Wilayahku.

Terdahulu, seramai 311 murid tingkatan empat dan lima Sekolah Menengah Kebangsaan Putrajaya Presint 8 (1) menerima dos pertama vaksin COVID-19 jenis Pfizer-BioNTech sempena 'kick off' Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan remaja (PICK Remaja) Isnin lalu.

Kata beliau lagi, tempoh pemberian vaksin bagi dos pertama bermula 20



SUNTIKAN vaksin jenis Pfizer-BioNTech.

September hingga 1 Oktober 2021 sementara dos kedua pula pada 11 Oktober hingga 22 Oktober 2021.

Mengulas lanjut tentang pemberian vaksin, Ahmad Ridzuan berkata, pada hari pertama

terlalu takut menerima suntikan. Bagaimanapun setelah menjalani sesi pemantauan, kesemuanya kembali seperti sediakala dan tidak perlu kes rujukan," ujar beliau.

Dalam pada itu, beliau juga turut berpesan agar golongan remaja tidak melakukan sebarang aktiviti lasak selama satu hingga dua minggu selepas menerima vaksin terutamanya dos kedua.

"Ini kerana mereka yang berusia 16 hingga 30 tahun berisiko mendapat radang jantung (myocarditis) dan radang selaput jantung (pericarditis) yang biasanya berlaku selepas menerima dos kedua."

"Ibu bapa disarankan mengawasi tanda awal seperti sakit dada, kesukaran bernafas dan jantung bergerak laju selepas anak menerima vaksin dan jika ia berlaku hendaklah segera mendapatkan rawatan lanjut," ujar beliau. **WK**

## PPj ambil berat penyertaan OKU

**BERSEPAKAT.** Tuhukah anda Perbadanan Putrajaya (PPj) mengamalkan prinsip persepkatan (*community engagement*) dengan semua lapisan masyarakat termasuk kumpulan orang kurang upaya (OKU).

Melalui Agenda Perbandaran Baru 2030, ia menekankan perbandaran mampan, kualiti hidup yang tinggi dan peluang sosial ekonomi saksama untuk semua (*Cities For All, Nobody Left Behind*).

Wakil daripada Persatuan OKU Putrajaya sering dijemput dalam program komuniti dan program mampan sejahtera Local Agenda 21 (LA 21) Putrajaya.

Antaranya Program Pertanian Bandar, Program *Place Making*, siri Bengkel Kumpulan Sasaran dan Program Kitar Semula Komuniti.



GOLONGAN OKU turut serta dalam Program Pertanian Bandar.

Pandangan wakil Persatuan OKU Putrajaya dalam perancangan pembangunan turut diambil kira dalam aspek perancangan untuk golongan OKU.

PPj juga memastikan pematuhan syarat-syarat kelulusan pembangunan di Putrajaya mematuhi keperluan OKU. Pematuhan kepada keperluan Rekabentuk Sejagat (*Universal Design*).

Ia juga prihatin dalam mengambil kira peruntukan kuota unit perumahan yang dikhaskan untuk golongan ini dan faktor kebolehcapaian dalam pemilihan unit.

Persatuan OKU Putrajaya berdaftar dan aktif, (PROCJAYA) mempunyai 110 ahli dan sering terlibat dalam program-program mampan sejahtera LA 21 Putrajaya.

## KK4 bakal manfaat kuasa solar

**PERBADANAN** Putrajaya (PPj) menyokong penuh inisiatif penggunaan solar dan projek pembuatan kompos secara aeroponik dilaksanakan sebagai memenuhi keperluan di Kebun Komuniti 4 (KK4), Presint 14, Putrajaya.

Menurut Pengurus Kebun Komuniti KK4 Putrajaya, **Burhanuddin Mohd Ghazali**, penggunaan solar selari dengan hasrat Putrajaya sebagai Bandar Hijau 2025.

"Alhamdulillah PPj menyokong kami untuk melaksanakannya terutama penggunaan pam bagi sistem hidroponik yang terdapat di kebun kami. Antaranya adalah set hidroponik bertingkat yang pada masa ini masih menggunakan kuasa elektrik," ujarnya kepada Wilayahku.

Tambahnya, pelaksanaan penggunaan solar tersebut dijangka akan dapat dilaksanakan secepat mungkin selewat-lewatnya pada Oktober ini.

"Pihak PPj dalam proses perbincangan bersama kontraktor solar dan Insya-Allah khabar gembira akan diperolehi dalam masa terdekat," ujarnya.

Terdahulu, Kebun Komuniti 4 (KK4) menerima kunjungan daripada Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan & Pembangunan),

Kementerian Wilayah Persekutuan, **Datuk Che Roslan Che Daud** yang turun melihat pelaksanaan kebun-kebun komuniti di Wilayah Persekutuan khususnya Putrajaya.



BURHANUDDIN

Tercalon sebagai finalis Anugerah Kejiranan Hijau 2021 (AKH), Burhanuddin berharap agar KK4 dapat mengharumkan nama Putrajaya pada anugerah berprestij tersebut.

"Doakan yang terbaik. Kami sudah berusaha bersungguh-sungguh dan tidak sabar untuk menanti



CHE ROSLAN (tengah) ketika melawat laman fertigasi yang menempatkan sayur-sayuran.

pengumuman November ini. Kalau rezeki berpihak pada kami, mungkin markah lebih pada penggunaan produk PolyAluminium yang dihasilkan dari kotak-kotak minuman.

"Ia merupakan kempen pengumpulan kotak-kotak minuman komuniti 14-7 dan 14-12. Sepatutnya ada majlis pelancaran namun terpaksa ditangguhkan disebabkan pandemik COVID-19," ujarnya.

Katanya lagi, jika berpeluang tercalon lagi pada tahun hadapan, KK4 bakal berkolaborasi bersama pensyarah dari Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam pembuatan kompos secara aerobik.

Ikhmal jadikan sepupu idola dalam sukan golf

# Impi kedudukan kelompok 10 terbaik dunia

AINI MAWAWI

**A**TLET golf Wilayah Persekutuan, Muhammad Ikhmal Basry, 21, menyambut baik langkah proaktif Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) menerusi pemberian insentif khas sebagai ganjaran atas usaha atlet Wilayah Persekutuan yang berjaya mengharumkan nama Malaysia di peringkat antarabangsa.

Menurutnya, insentif tersebut bukan sahaja sebagai galakan bahkan mampu menyemarakkan lagi semangat atlet untuk meneruskan perjuangan tidak kira dalam sukan apa sekalipun.

"Hari ini bidang sukan boleh diibaratkan seperti karier. Jadi secara tidak langsung ia menjadi 'periuk nasi' masing-masing. Disebabkan itu juga, setiap atlet berusaha keras bagi melayakkan diri ke peringkat tertinggi."

"Semakin tinggi pencapaian seorang atlet itu, maka semakin



cerah kehidupan mereka. Sebab itu, sejak mula aktif dalam bidang ini, saya letakkan penanda aras untuk bergelar yang terbaik demi kepentingan masa hadapan," ujarnya.

Tambahnya lagi, atlet yang hebat akan sentiasa mendapat perhatian daripada semua pihak. Mereka akan dihargai atas sumbangan yang diberi. Maka setiap insentif yang diterima juga merupakan salah satu sumber kewangan.

Beralih kepada perkembangan semasa, sepupu kepada pemain golf profesional, Airil Rizman Zahari ini berkata, dia menjadikan atlet golf berjaya tersebut sebagai idolanya untuk ke peringkat lebih tinggi.

"Airil merupakan antara sebab kenapa saya berada dalam sukan ini. Saya sentiasa kagum dengan pencapaianannya sejak saya kecil lagi termasuklah kejayaannya menjuarai Terbuka Pakistan pada 2007.

"Semangat dan nasihat dia sentiasa saya pegang sehingga ke hari ini. Doakan saya berjaya dalam



MUHAMMAD IKHMAL (tengah) ketika berjaya mendapat tempat kedua pada Kejohanan Cabaran Tan Sri Muhyiddin Yassin di Kuala Lumpur pada tahun 2018.

persiapan untuk melayakkan diri pada Kejohanan Universiti Asia yang akan berlangsung tahun depan di Thailand," ujarnya kepada Wilayahku.

Berbicara lanjut tentang masa hadapannya dalam golf, pelajar Ijazah Komunikasi, Universiti Utara Malaysia (UUM) berkata, impianinya lima tahun akan datang

## Kejayaan Muhammad Ikhmal

2019 - Piala Tan Sri Muhyiddin Yassin, Kuala Lumpur - Tempat Kedua

2019 - Hainan Junior Golf Tour 2019, Glenmarie Shah Alam - Tempat Pertama

2018 - Kejohanan Tertutup Amatur, Bukit Beruntung - Tempat Pertama

2018 - Kejohanan Universiti Asia, Myanmar - Tempat Kedua

adalah untuk menempatkan diri dalam kedudukan kelompok 10 terbaik dunia.

"Saya tidak mahu Malaysia jauh ketinggalan ke belakang dalam sukan golf. Kalau boleh biarlah kita pula yang mendominasi kedudukan ranking dunia pada masa hadapan," ujar atlet bercita-cita tinggi ini. WK

## Perlawanan amal berjaya kumpul dana RM3,000 untuk Zulkifli Norbit

SATU perlawanan amal di antara bekas pemain-pemain Kuala Lumpur yang dikenali sebagai KL Legend dan pilihan veteran Persatuan Bola Sepak Melayu Malaysia (PBSMM) berjaya mengutip RM3,000 untuk bekas pemain bola sepak legenda negara Zulkifli Norbit.

Menurut Timbalan Presiden PBSMM, Datuk Ramlan Askolani berkata, perlawanan amal tersebut dirancang dalam tempoh masa yang singkat bagi membantu tokoh bola sepak negara yang pernah mengharumkan nama negara di persada antarabangsa.

Zulkifli Norbit adalah seorang legenda dan pernah mewarnai arena bola sepak tahun 70-an dahulu serta menjadi tonggak untuk pasukan kebangsaan ketika itu.

"Apabila mengetahui keadaan itu, saya amat prihatin dengan nasib yang menimpak Zulkifli kerana pernah mewakili negara sehingga ke peringkat kelayakan Sukan Olimpik.

"Alhamdulillah saya dapat menghubungi pasukan KL Legend ini dalam masa dua hari untuk mengadakan perlawanan amal dan ia mendapat sambutan yang baik," katanya kepada Wilayahku di Padang Mindef pada Sabtu.

Ramlan yang juga Pengurus Majlis Sukan Wilayah



RAMLAN (dua dari kiri) menyampaikan simbolik perlawanan persahabatan kepada presiden Bola Sepak Melayu Malaysia pada perlawanan amal di Padang Mindef, baru-baru ini.

Persekutuan (MSWP) berkata, beliau akan mengadakan perbincangan dengan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim dan Pengarah Eksekutif MSWP untuk membantu bekas-bekas pemain bola sepak khususnya yang pernah bermain dengan pasukan Kuala Lumpur yang menghadapi masalah sepanjang pandemik ini.

"Sebenarnya memang ada di dalam perancangan KWP untuk membantu bekas-bekas

pemain bola sepak, khususnya untuk pemain pasukan Kuala Lumpur dan untuk melihat apa jenis bantuan serta keperluan untuk pemain bola sepak veteran yang berkemungkinan memerlukan bantuan," katanya.

Melalui pengajuran tersebut, sebanyak RM3,000 berjaya dikumpulkan dan diserahkan kepada anak Zulkifli Norbit, Nor Effendi dan disaksikan oleh Presiden PBSMM, Mohd Firdaus Mohamad yang juga Naib Presiden FAM. WK

## KLBA beri insentif RM25,000 kepada pemain, jurulatih

PERSATUAN Badminton Kuala Lumpur (KLBA) menyampaikan insentif berjumlah RM25,000 kepada pemain dan jurulatih badminton negara yang meraih kejayaan di temasya Sukan Olimpik dan Paralimpik Tokyo 2020 baru-baru ini.

Jaguh badminton para negara, Cheah Liek Hou yang memenangi pingat emas kelas SU5 (kecakatan fizikal) di Tokyo menerima habuan tertinggi iaitu RM10,000 sementara pemain beregu lelaki Soh Wooi Yik menerima RM5,000 atas kejayaannya merangkul pingat gangsa bersama gandingannya Aaron Chia.

Pengarah Kejurulatihan Persatuan Badminton Malaysia (BAM) Wong Choong Hann dan jurulatih skuad badminton para Datuk Rashid Sidek turut menerima insentif berjumlah RM3,000 seorang sebagai penghargaan memastikan kejayaan di Tokyo tercapai.

Presiden KLBA Datuk Seri Dr Jahaberdeen Mohamed Yunos berkata pemberian insentif tersebut bagi meraikan kejayaan pemain dan pegawai terlibat yang juga bekas pemain pernah bernaung di bawah KLBA sebelum ini.

"Kami (KLBA) terus menjadi satu daripada tunjang utama bagi badan induk badminton negara dalam menyediakan bakat-bakat baharu yang berkualiti kepada pasukan badminton kebangsaan.

"Liek Hou menyertai KLBA ketika usianya 10 tahun pada 2000 sementara bakat pemenang pingat gangsa Olimpik Tokyo 2020 iaitu Wooi Yik dikesan KLBA pada 2008 ketika berusia 10 tahun," katanya pada Majlis Meraikan Atlet dan Jurulatih Badminton Sukan Olimpik dan Paralimpik Tokyo 2020 di Akademi Badminton Malaysia (ABM) di Bukit Kiara.

Pada masa sama, turut diberikan insentif berjumlah RM2,000 adalah pemain perseorangan wanita negara Sonnia Cheah dan pemain beregu wanita Chow Mei Kuan.

"Sonnia menjadi sebahagian daripada ahli keluarga KLBA pada 2003 manakala Mei Kuan menyertai kami pada 2004. Kami berbangga untuk melihat mereka semua yang juga bakat dilahirkan daripada KLBA," tambah Jahaberdeen.

"KLBA juga akan melancarkan Projek Jejak Juara untuk tempoh lima tahun yang mana kami bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan pusat latihan secara zon dilakukan.

"Sekolah akan dilengkapi dengan sistem pendidikan dan kejurulatihan tentang badminton sebaiknya dengan harapan untuk melihat pusat ini dapat melahirkan ramai bakat muda sekali gus digilap menjadi jaguh masa hadapan," katanya. - BERNAMA



## Tahun 2020 rekodkan jumlah permohonan tertinggi 9,948 mohon sewa unit PPR, PA DBKL

HAZIRAH HALIM

**D**EWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menerima kira-kira 9,948 permohonan sewa unit Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di sekitar Kuala Lumpur sejak dari tahun 2019 hingga Ogos 2021.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Jalaluddin Alias** berkata, daripada angka tersebut, sebanyak 1,540 permohonan telah diluluskan namun hanya 620 pemohon sahaja yang menerima tawaran sewa rumah manakala selebihnya masih menunggu giliran.

"Baki 920 permohonan masih belum diluluskan ekoran proses baik pulih unit perumahan sedang diseleggarakan dan ada penyewa yang melepas kadar kelayakan dan masih di dalam proses untuk memulangkan unit mereka," katanya pada sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri bagi jawapan lisan di Dewan Rakyat pada Selasa.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Nik Nazmi Nik Ahmad (PH-Setiawangsa) mengenai bilangan pemohon yang menunggu untuk mendapatkan unit PPR di



PERMOHONAN untuk menyewa di rumah PPR dan PA DBKL meningkat pada tahun 2020.

Wilayah Persekutuan.

Jalaluddin berkata, dalam tempoh tersebut, tahun 2020 telah merekodkan jumlah permohonan tertinggi iaitu sebanyak 6,922 permohonan.

"Daripada jumlah tersebut hanya 736 permohonan sahaja yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pemilihan," jelas Ahli Parliment Jelebu itu.

Menurut Jalaluddin, pihak KWP dan DBKL sedang merancang untuk membina Residensi Wilayah dan Residensi Prihatin bagi menampung jumlah penduduk yang semakin

bertambah.

"Sebanyak 15,926 unit akan dibina di kawasan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan bagi menampung kumpulan B40 atau golongan bersederhana rendah yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM5,000 ringgit.

"Kita juga turut mempunyai perancangan untuk membina sebanyak 1,716 unit rumah Residensi Wilayah bagi menampung keperluan pemohon-pemohon daripada Labuan," tambahnya. **WK**



TAMAN Botani, taman-taman awam lain di Putrajaya juga turut menjadi tumpuan pengunjung beriadah maupun berekreasi.

## Taman Botani Putrajaya jadi 'port' piknik remaja

**SEKUMPULAN** remaja mengambil peluang berkelah di persisiran tasik Taman Botani, Putrajaya selepas kelonggaran rekreasi dan sukan bagi Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN) diumumkan bermula 10 September.

Selain dipenuhi pelbagai koleksi tumbuh-tumbuhan, pengunjung juga dapat menikmati panorama indah berlatar belakangkan bangunan Perdana Putra dan Jambatan Seri Perdana sepanjang 375 meter yang menghubungkan Presint 8, 10 dan 1.

Menurut Ketua Penolong

Pengarah Seksyen Operasi Bahagian Rekreasi dan Operasi Jabatan Landskap dan Taman Perkhidmatan Putrajaya (PPj), **Shafini Asraq Karim**, Taman Botani sering menjadi tumpuan utama pengunjung kerana kepelbagaiannya biodiversiti yang ada selain fi masuknya yang percuma.

"Di sini juga terdapat lebih 700 spesis tumbuhan berbunga dan landskap daripada 90 buah negara tropika yang direka khusus untuk menghiasi segenap sudut taman," katanya kepada **Wilayahku**. **WK**

## "Melayu, Cina, India, Serani, Kadazan, Iban... Bersatu Hati" - Ito Blues Gang

DEEL ANJER

**DEMI** mengangkat perpaduan kaum di Malaysia, kumpulan Pitahati dan Ito berkollaborasi menyanyikan semula lagu Khatulistiwa.

Lirik lagu Khatulistiwa nyanyian asal Ito bersama kumpulan Blues Gang digubah semula untuk disesuaikan dengan Hari Malaysia yang disambut pada 16 September setiap tahun.

Ito dan Pitahati serasi bekerjasama dengan berbekalkan semangat yang sama iaitu impian mereka mahu menyatupadukan masyarakat dengan seni muzik.

"Pitahati dan saya bersetuju untuk mengubah bahagian lirik Melayu, Cina, India, Serani, Kadazan, Iban, bersatu hati... ia lebih sempurna."

"Elemen perpaduan pelbagai kaum dalam lagu ini harus ditekankan kerana inilah teras dalam membina masyarakat yang aman damai."



Ito Blues Gang bersama Pitahati ketengahkan beberapa lokasi menarik di Perak dalam video klip Khatulistiwa versi baharu.

"Saya amat berbesar hati dan berharap lagu versi baharu ini boleh memberi semangat buat kali kedua kepada seluruh rakyat Malaysia," ujar Ito Blues Gang yang teruja menghasilkan karya Khatulistiwa versi baharu ini bersama Pitahati.

Dalam masa sama, salah seorang anggota Pitahati iaitu Ilham

mengaku tidak terlalu mengubah lagu yang sudah tersedia malar segar dalam masyarakat Malaysia.

"Waktu kami cover sebelum ni pun kami tak nak hilangkan keaslian rasa dalam lagu, dan itulah yang paling penting."

"Selain muhru terus menyanyi agar masyarakat sentiasa mementingkan perpaduan ber-

bilang kaum, usaha merakamkan semula lagu Khatulistiwa ini juga adalah satu penghormatan daripada Pitahati kepada Blues Gang," jelas Ilham Pitahati yang berharap lagu ini terus digemari ramai.

"Lagu Khatulistiwa ini sudah menjadi siulan dari dulu lagi. Malah ramai yang serasi dengan muzik lagu ini."

"Apa yang kami harapkan adalah generasi baharu boleh menghayati muzik dan lirik lagu ini yang mengajak semua rakyat Malaysia bersatu hati," tambahnya lagi.

Pembikinan video muzik lagu Khatulistiwa ini mengambil masa hampir tiga hari apabila Ito dan Pitahati menjalani pengambaran di kawasan-kawasan santai rakyat berbilang kaum di Perak.

Antara kawasan yang dipilih adalah Old Town Ipoh, Concubine Lane, Stesen

Keretapi, Pasar Loken, Padang Ipoh, Restoran New Hollywood, Super Kinta, Stesen Bas Medan Kid dan Sarang Art Hub serta Tanjung Malim.

Perjalanan ini amat bermakna apabila memperlihatkan dua generasi yang berbeza iaitu Pitahati dan Ito Blues Gang bekerjasama dengan penuh komitmen.

Selain bekerja, Ito juga tidak kering menurunkan nasihat dan pengalamannya kepada semua.

Sedikit info tentang lagu Khatulistiwa, lagu daripada kugiran lagenda 'rock blues' tanah air iaitu Blues Gang ini dikenali ramai sejak tahun 1983.

Lagu yang pernah menjadi kontroversi suatu ketika dahulu kini disusun kembali muzik dan liriknya mengikut peredaran masa dan zaman. **WK**

Imbas kod QR untuk tonton video berita ini.

